

# Info

BIL. 1/2013 ISSN 0127-1032



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia

PUSAT LATIHAN KOPERASI NO. 1 DI MALAYSIA

## Majlis Berbuka Puasa MKM

Bersama  
YB Dato' Hasan Bin Malek,  
Menteri PDNKK

Malaysian Technical  
Co-operative  
Programme (MTCP)



**Bicara Profesional**  
Cloud Computing:  
Revolusi Pengkomputeran  
Masa Kini

**MKM Bersama  
Masyarakat**  
Pencetus Minda  
Menggerak Masyarakat



# Kandungan...

## Eksklusif

- Majlis Serah Tugas 4
- Majlis Berbuka Puasa MKM Bersama YB Menteri PDNKK 5
- Lawatan YB Menteri PDNKK dan Ketua Pengarah MKM ke Koperasi di Korea Selatan 6
- Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Jalin Kerjasama dengan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) 8

## Pelawat

- Perjanjian Persefahaman antara VAMNICOM dan MKM diteruskan 9
- Pembentangan Keberkesanan Program Antarabangsa 10
- Delegasi Sri Lanka Berkunjung ke MKM 11
- Kunjungan Hormat Regional Director of ICA-Asia Pasific 11
- Pendidikan Koperasi di Malaysia Menarik Minat Delegasi Koperasi Bangladesh 12
- Lawatan dari Koperasi Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra, Pulau Pinang 13
- Lawatan dari Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad, Johor 13

## Jaringan

- Lawatan Kerja ke Singapore National Co-operative Federation (SNCF) dan NTUC FairPrice Co-operative Limited 14
- Malaysian Technical Co-operation Programme (MTCP) "Certificate In Co-operative Poverty Reduction" 16

## Fokus

- Kolokium 2013 18
- Pemprosesan Baja Organik Tinja Kambing & Lembu Secara Komersial 20

## Perspektif

- Bicara Profesional: Pematuhan Garis Panduan Koperasi Sebagai Mekanisme Tadbir Urus Berkesan 21-22
- Potensi Perkhidmatan Taksi dan Lori Dalam Menjana Pendapatan Koperasi 23
- Cloud Computing: Revolusi Pengkomputeran Masa Kini 24
- Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Aktiviti Pelancongan 25

## Kakitangan

- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dan Lawatan ke Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad 26
- MKM sertai Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 27
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 29
- Program Pembangunan Sahsiah dan Jati Diri Warga MKM 31
- MKM Bersama Masyarakat: Pencetus Minda Menggerak Masyarakat 32
- Borak Santai dan Moh Ngeteh Bersama Komuniti serta Koperasi 35

## Cawangan

- Pemuaafakatan Membina Kesejahteraan Koperasi Walai Tokou Homestay 36
- Sistem Kawalan Dalaman (SKD) dan Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE) 37
- Memperkasa Kesedaran Berkoperasi 39
- Penentu Kejayaan Koperasi: Anggota atau Anggota Lembaga Koperasi (ALK)? 40
- Wakaf Menjana Ekonomi Sejahtera dan Taklimat Program Latihan MKM 2013 41

## Pelajar

- Hari Integrasi Pelajar DPK dan BBA 42
- Kem Kepimpinan: Transformasi Mahasiswa 43
- Lawatan Sambil Belajar BBA MKM-UUM ke Koperasi Homestay Sungai Sireh Tanjong Karang Berhad Tanjong Karang, Kuala Selangor 44
- Program Keluarga Angkat Kasih Disemai Hati Terpaut 46
- Kem Motivasi: Menuju Puncak Kejayaan 48

## Galeri

- Koleksi gambar 49

## Lampiran

- Iklan 58

## Sidang Editorial

PENASIHAT

**Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya**  
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

**Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

EDITOR

**Cik Wani Syahira Abd. Wahid**  
Pegawai Penerangan

WAKIL PUSAT & UNIT

**Pn. Rohalinda Ahad**

Pusat Pentadbiran, Perundangan dan  
Kepimpinan Koperasi (CALL)

**Pn. Juliana Md Yusof**

Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF)

**Pn. Sharifah Shuzaida Saedin**

Pusat Konsultasi Koperasi (KONSULTASI)

**Pn. Khairun Niza Mohd Anuar**

Pusat Keusahawanan Koperasi &  
Peruncitan (ReCEnt)

**En. Intiran a/l Harikrishnan**

Pusat Antarabangsa dan Pendidikan  
Tinggi (ANTARABANGSA)

**Cik Zaharatul Laili Zakaria**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan  
Inovasi (R & I)

**Pn. Hamidah Mohd Jos**

Unit Sumber Manusia (USM)

**Pn. Afiza Abd Karim**

**Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd  
Rahman**

Unit Komunikasi Korporat dan Tadbiran  
Akademik (UKKTA)

**En. Mohd Norhisyam Md Daud**

**En. Muhammad Azri Kamis**

Jurufoto

**Pencetak**

Reka Cetak Sdn Bhd

## Dari Meja Ketua Editor

### *Salam Pembuka Bicara,*

Ucapan terima kasih ditujukan kepada semua kerana setia bersama Majalah INFO untuk keluaran kali ni. Di kesempatan ini warga MKM mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya yang dilantik menjadi Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mulai 5 Mac 2013 menggantikan YBhg. Tuan Haji Idris bin Ismail yang telah bersara. Sidang Editorial berbesar hati mengalu-alukan kedatangan tuan ke MKM.

Di sini juga warga MKM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Datuk Hasan bin Malek dan YB. Datuk Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah atas pelantikan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri bagi menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mulai 15 Mei 2013.

Keluaran Majalah INFO kali ini, kami kongsi beberapa aktiviti/program menarik yang telah berlangsung antaranya berkaitan lawatan YB Menteri KPDNKK dan Ketua Pengarah MKM ke koperasi di Korea dan Singapura.

MKM yang bertindak sebagai pusat latihan dan rujukan koperasi sememangnya tidak pernah lekang menerima kunjungan dari koperasi-koperasi dan agensi-agensinya dari dalam serta luar negara. Di sini, kami kongsi bersama beberapa sesi lawatan ke MKM untuk tatapan semua.

Dalam mengorak langkah untuk maju serta berdaya saing, MKM juga menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa agensi dan koperasi dari dalam dan luar negara. Ini menunjukkan MKM memandang serius dalam mewujudkan jaringan sebagai langkah untuk menjadikan MKM sebagai pusat latihan bertaraf dunia.

Banyak maklumat ingin kami kongsi kepada para pembaca. Semoga keluaran INFO kali ini menjadi bahan bacaan yang bermanfaat kepada anda semua. MKM juga turut menyokong penganjuran Hari Koperasi Negara tahun ini dengan tema "Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat".

### *Selamat Menyambut Hari Koperasi Negara 2013*

Sekian. Salam Koperasi  
Hjh Julia Bee Ramjan

# Tahniah



ATAS PERLANTIKAN  
YB DATO' HASAN BIN MALEK

SEBAGAI  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

ATAS PERLANTIKAN

YB DATO' PADUKA AHMAD BASHAH BIN MD. HANIPAH

SEBAGAI  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN



## Majlis Serah Tugas



YB Dato' Hasan Malek (kanan) menandatangani portfolio penyerahan tugas sebagai Menteri PDNKK

Tanggal 22 Mei 2013, bertempat di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah diadakan Majlis Serah Tugas antara Mantan Menteri KPDNKK YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dengan Menteri KPDNKK yang baru iaitu YB Dato' Hasan bin Malek serta Mantan Timbalan Menteri KPDNKK YB Datuk Hj. Rohani Abd. Karim dengan YB Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah sebagai Timbalan Menteri KPDNKK yang baru.

Majlis telah disaksikan oleh tetamu-tetamu yang hadir. Antaranya ketua-ketua agensi di bawah KPDNKK, ketua-ketua bahagian, Pengerusi Ahli Majlis bagi setiap agensi serta pihak media. Majlis bermula pada jam 3.00 petang. Setelah ketibaan tetamu-tetamu kehormat terus diadakan sesi menandatangani portfolio serahan tugas, diikuti sesi penyerahan portfolio tugas, sesi bergambar kenangan serta sidang media.

## Majlis Berbuka Puasa MKM Bersama YB Menteri PDNKK



YB Menteri PDNKK menyampaikan ucapan



Persembahan qasidah oleh pelajar MKM

Pada 19 Julai 2013 bersamaan 10 Ramadhan 1343H, telah berlangsung Majlis Berbuka Puasa bersama YBhg. Dato' Hasan b. Malek Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertempat di MKM kampus induk, Jalan Templer Petaling Jaya, Selangor.

Seramai 500 orang tetamu termasuk kakitangan MKM telah hadir bagi memeriahkan majlis. Antara tetamu kehormat yang turut sudi melampangkan masa adalah YBhg. Dato' Paduka Ahmad Bashah b. Md. Hanipah, Timbalan Menteri PDNKK, YBhg. Dato'

Basaruddin b. Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, YBhg. Datuk Md Yusof b. Samsudin, Pengerusi Lembaga MKM dan YBhg. Datuk Nik Ali b. Mat Yunus, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Ketibaan YB Menteri PDNKK telah disambut mesra oleh kakitangan dan pelajar-pelajar program jangka panjang MKM. Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa dan disusuli dengan bacaan ayat suci Al-Qur'an. Seterusnya majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pengarah MKM, Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya

dan ucapan YB Menteri PDNKK Dato' Hasan Malek serta penyerahan *mock cheque* sumbangan Bank Rakyat kepada pelajar MKM berjumlah RM 20,000.00. Tidak ketinggalan, Koperasi MKM Bhd juga turut memberi sumbangan zakat kepada pelajar MKM berjumlah RM 2,000.00. Majlis penyerahan zakat ini telah disempurnakan oleh En. Mohd Ali b. Kardi selaku Pengurus Bank Rakyat Cawangan PJ State dan En Mohd Safaai Said wakil KOOP MKM sambil disaksikan oleh YB Menteri PDNKK Dato' Hasan Malek.



Tetamu jemputan menikmati juadah berbuka puasa

## Lawatan YB Menteri PDNKK dan Ketua Pengarah MKM ke Koperasi di Korea Selatan



YB Menteri dan rombongan bersama pihak pengurusan Seoul National University Co-operatives

Satu lawatan rasmi telah dianjurkan Oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ke Korea Selatan pada 26 Jun hingga 2 Julai 2013 yang lalu. Delegasi lawatan terdiri daripada YB Dato' Hasan bin Malek, Menteri PDNKK, YBhg. Datuk Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha KPDNKK, YBhg. Datuk Nik Ali bin Mat Yunus, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan YBhg. Dr Ahmad Zahiruddin bin Yahya, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Lawatan rasmi ini turut disertai oleh wakil gerakan koperasi Malaysia seperti Tuan Haji Ismail bin Nordin (Pengerusi

Koperasi Telekom Malaysia Bhd), En Shamsul Bahagin bin Bigin dan En Chua Teik Seng (Koperasi Komuniti Bagan 1 Malaysia) dan Dr Mohamad Saat bin Ismail (Pengerusi Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Bhd).

Lawatan ini dianjurkan bersempena program Taste of Malaysia (TOM) di Tesco Homeplus Korea Selatan. Menerusi program TOM ini, produk IKS Malaysia akan dipromosikan dengan lebih giat lagi dan seterusnya meluaskan pasaran produk IKS tersebut di Korea Selatan. Kunjungan hormat ke koperasi dan institut latihan serta universiti berkaitan koperasi turut diadakan dalam lawatan ini. Bagi tujuan

ini, YB Menteri dan rombongan telah berkunjung ke iCoop Co-operative Institute dan Sungkonghoe University. Hasil lawatan rombongan YB Menteri ke kedua-dua institusi pendidikan dan latihan koperasi ini membawa impak besar kerana MKM berpeluang melaksanakan program kerjasama dengan institusi ini dalam aspek pendidikan jangka panjang dalam bidang koperasi, latihan koperasi dan program sangkutan bagi pegawai-pegawai koperasi. YB Menteri juga menjemput pihak iCoop Co-operative Institute dan Sungkonghoe University untuk bertandang ke Malaysia bagi tujuan perkongsian maklumat sekaligus memajukan gerakan koperasi di negara masing-masing.

Di samping itu, YB Menteri dan rombongan turut melawat *Seoul National University Co-operative*. Koperasi ini dimiliki oleh Seoul National University. Koperasi ini banyak memberi faedah dan kebajikan kepada pelajar universiti bagi memenuhi keperluan mereka. Pelajar sebagai anggota koperasi memperoleh faedah potongan harga bagi alat tulis dan



YB Menteri dan rombongan ketika meneliti produk IKS Malaysia di salah sebuah cawangan Homeplus



Ketua Pengarah MKM menyampaikan taklimat ketika lawatan di iCoop Cooperative Institute dan Sungkonghoe University

pembelian makanan. YB Menteri dan rombongan juga telah dibawa melawat *Korean Federation Community Credit Cooperative (KFCC)*. Koperasi ini melaksanakan aktiviti kredit sebagai bank koperasi. Rombongan YB Menteri juga telah dibawa melawat ke salah satu cawangan KFCC iaitu di Sadang CC. Sadang CC merupakan salah satu cawangan KFCC yang aktif. KFCC telah banyak memberi manfaat kepada anggota-anggota koperasi. KFCC juga terkenal sebagai bank koperasi yang berjaya dari sudut khidmat sosial (CSR).

YB Menteri dan rombongan turut dibawa melawat *Hanaro Club Mart*, iaitu sebuah pasar raya yang diuruskan oleh *Natural Agricultural Cooperative Federation*. Pasar raya ini kebanyakannya menjual hasil pertanian yang diusahakan oleh koperasi-koperasi pertanian di Korea. Beroperasi selama 24 jam sehari dan 7 hari dalam seminggu, pasar raya yang menjual produk pertanian koperasi ini memberi banyak manfaat kepada pengguna kerana menawarkan harga yang berpatutan.

Rombongan YB Menteri ke Korea juga telah diraikan dalam satu Majlis Makan Malam oleh Duta Besar Malaysia di Korea iaitu TYT Dato' Ramlan bin Ibrahim di Rumah Malaysia. Selain itu, MKM turut menjadi hos kepada rombongan YB Menteri dalam satu Majlis Makan Tengah hari di *Jlonghaee Restaurant*.

Secara keseluruhannya, lawatan rasmi ke Korea pada kali ini mendatangkan banyak faedah khususnya kepada gerakan koperasi di Malaysia. Peluang kerjasama perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memacu kemajuan dan kejayaan koperasi di Malaysia.- Mohamad Suandi Mortadza



YB Menteri dan rombongan ketika perbincangan bersama KFCC



YB Menteri dan rombongan ketika melawat Hanaro Club Mart



Makan tengah hari bersama YB Menteri dan rombongan yang telah dihoskan oleh MKM



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
لونیورسیتی فندیقین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

## Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Jalin Kerjasama dengan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)

Pada 24 Jun 2013, bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik Maktab Koperasi Malaysia (MKM), perbincangan antara MKM dengan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) telah diadakan dan dipengerusikan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM. Perbincangan ini bagi mengenal pasti peluang dan ruang bagi kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan.

Antara perkara yang telah dibincangkan ialah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang dikendalikan oleh UPSI. Program ini bermula pada bulan September 2013 dan UPSI berhasrat menjadikan MKM sebagai pusat tutorial bagi Lembah Klang. Satu taklimat berkenaan perkara ini akan diberikan kepada pegawai-pegawai MKM, agensi-agensi di bawah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta calon-calon yang berminat.

Selain itu, perbincangan turut menyentuh berkaitan Seminar Pengurusan Pendidikan yang akan dianjurkan oleh UPSI. Seminar ini akan berlangsung pada hujung November 2013 dan UPSI menjemput MKM untuk membentangkan kertas kerja dalam seminar tersebut. MKM akan mengenal pasti kertas kerja yang sesuai dari program Kolokium yang telah diadakan sebelum ini.

MKM berhasrat untuk bekerjasama dengan UPSI bagi menawarkan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Koperasi kepada graduan dari UPSI dan juga kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan koperasi. Diploma ini bertujuan untuk melengkapkan bakal guru dan pegawai yang telah bekerja dengan ilmu koperasi agar dapat melaksanakan

tugas dan tanggungjawab di koperasi dengan lebih baik.

Dalam perbincangan itu juga, UPSI berhasrat untuk melaksanakan penyelidikan secara bersama dalam bidang koperasi terutamanya koperasi sekolah. Kerjasama ini akan memberi pendedahan yang lebih luas kepada pensyarah MKM dan UPSI dalam bidang penyelidikan.

Selain itu, UPSI juga berhasrat untuk menjadikan MKM sebagai pelaksana dan pusat pembelajaran untuk program Diploma Keusahawanan yang akan dilaksanakan oleh universiti tersebut. Modul program ini akan disediakan oleh UPSI sendiri.

Perbincangan diakhiri dengan kata sepakat untuk mengadakan memorandum persefahaman (MoU) antara UPSI dengan MKM bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti. - *Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi*



# Perjanjian Persefahaman antara VAMNICOM dan MKM diteruskan



Delegasi dari VAMNICOM bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah MKM (tengah), Timbalan Ketua Pengarah Akademik (lima dari kanan) dan pegawai akademik MKM

Rombongan seramai 28 orang delegasi dari Vaikunth Mehta National Institute of Co-operative Management (VAMNICOM) telah menjalani Programme On Learning Business Innovation Through Exposure Visit to Cooperatives in Malaysia dari 27 hingga 30 Mac 2013 di Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Petaling Jaya.

Ia merupakan program balas dari VAMNICOM atas program latihan yang telah dijalani oleh para pensyarah MKM di India semenjak tahun 2008 berteraskan manfaat memorandum persefahaman (Mou) antara kedua belah pihak. Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi bertindak selaku urus setia program ini. Selain aktiviti

pembelajaran di dalam kelas, program ini juga dimuatkan dengan lawatan sambil belajar ke Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad bagi memperkenalkan para delegasi dengan kementerian dan agensi yang bertanggungjawab terhadap koperasi terbaik 2012 dalam gerakan koperasi di Malaysia.

Satu perjumpaan berkaitan persefahaman dan perjanjian bagi meneruskan MoU yang telah dimeterai sejak 18 Julai 2008 antara MKM dengan VAMNICOM telah diadakan pada hari terakhir program tersebut. Pertukaran surat rasmi persetujuan

bagi meneruskan MoU yang sedia ada telah dilakukan oleh YBhg. Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM dengan wakil VAMNICOM iaitu Dr. Y. S. Patil, disaksikan para pegawai MKM dan delegasi yang hadir. Dr. Y. S. Patil juga turut memperkenalkan VAMNICOM serta bidang latihan baru yang dapat diikuti oleh para pegawai MKM yang bakal menjalani program latihan atau program sangkutan di India pada masa akan datang.

Program berjalan dengan lancar dan kedua-dua pihak mengharapkan agar kerjasama yang terjalin antara kedua-dua institusi ini berkekalan demi kebaikan gerakan koperasi secara global.- Noor Shafeeza Zainuddin



Ahli mesyuarat sedang mendengar pembentangan keberkesanan program luar negara

## Pembentangan Keberkesanan Program Antarabangsa

Pada 15 Mac 2013, satu delegasi daripada The Institute for the Development of Agricultural Cooperation in Asia (IDACA) telah mengadakan lawatan kerja ke Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Delegasi dari Jepun ini terdiri daripada 2 orang pelawat iaitu En. Hiraoka Keiji, Pengerusi Eksekutif IDACA dan En. Abe Yukio, Pegawai Eksekutif IDACA.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk mendapat gambaran sebenar berkaitan keberkesanan program antarabangsa yang telah dijalankan di IDACA, Jepun khususnya program sangkutan, program International

Cooperative Alliance (ICA) dan latihan. Di samping itu delegasi ini juga ingin membincangkan beberapa perkara bagi memperbaharui MoU yang telah ditandatangani antara MKM dengan IDACA, Jepun.

Program dimulakan dengan ucapan oleh Pn. Norwatim Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik dan diteruskan dengan pembentangan keberkesanan program-program luar negara oleh Pegawai Latihan MKM. Antara program luar negara ini ialah program sangkutan, program latihan di bawah MoU dan program latihan di bawah Mou G to G (JPA/JICA/IDACA)

yang telah dilaksanakan dari tahun 2009 sehingga 2012.

Di samping itu, perbincangan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan terhadap program MoU yang sedia ada. Kerjasama strategik diwujudkan dalam latihan dan pendidikan serta aktiviti berasaskan pengetahuan seperti penyelidikan, pertukaran maklumat, kepakaran dan program latihan. Kerjasama ini bukan sahaja akan memanfaatkan tenaga kerja kedua-dua institusi tetapi juga kepada gerakan koperasi Malaysia dan Jepun dalam semua aspek pendidikan dan latihan. - R.Zarinatun Mohd Abdul Kader



## Delegasi Sri Lanka Berkunjung ke MKM

**M**KM sememangnya tidak pernah sunyi dari menerima kunjungan lawatan dari luar. Pada 21 Februari 2013 MKM menerima lawatan delegasi dari Sri Lanka, yang terdiri daripada 9 orang.

Kunjungan ini bertujuan untuk saling mengenali dan berkongsi

pendapat berkenaan institusi masing-masing. Delegasi telah ditayangkan dengan video korporat MKM dan turut diberi taklimat mengenai Maktab Koperasi Malaysia. Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, Puan Hj. Julia Bee Ramjan telah mempengerusikan

sesi taklimat tersebut. Delegasi yang hadir juga turut diberi kesempatan merasai masakan Melayu yang disajikan di dewan makan MKM dan dibawa melawat sekitar kawasan MKM kampus induk seperti pasar mini, perpustakaan dan dewan. -  
*Nuur Fadzillah Zulkepli*

## Kunjungan Hormat Regional Director of ICA-Asia Pasific

**P**ada tanggal 20 Februari 2013, MKM telah menerima lawatan daripada Dr. Chan Ho Choi, *Regional Director of Asia Pasific*. Bersempena dengan lawatan tersebut, beliau telah diberi peluang untuk mendengar taklimat berkaitan MKM.

Taklimat tersebut telah dipengerusikan oleh En. Mohd Safa'ai bin Said, Pengarah Pusat Pentabiran Perundangan dan Kepimpinan Koperasi. Beliau juga turut didedahkan berkenaan MKM melalui tayangan video korporat MKM. Sejurus taklimat berakhir, kedua-dua pihak saling berbincang dan bertukar-tukar pendapat berkaitan koperasi. - *Nuur Fadzillah Zulkepli*



En. Mohd Safa'ai bin Said (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Chan Ho Choi (tengah)

# Pendidikan Koperasi di Malaysia Menarik Minat Delegasi Koperasi Bangladesh



Pada 5 Februari 2013, satu lawatan delegasi dari Bangladesh telah mengunjungi MKM. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan latihan dan pendidikan serta aktiviti berteraskan pengetahuan antara kedua-dua pihak. Delegasi terdiri daripada 35 orang pegawai kanan bertaraf JUSA/gred 54.

Timbalan Ketua Pengarah Akademik, Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff telah mempengerusikan serta memberi taklimat berkaitan MKM kepada delegasi yang hadir.

Delegasi telah dipersembahkan dengan tayangan video korporat MKM untuk memberi pendedahan

yang lebih jelas tentang aktiviti yang dijalankan oleh MKM sebagai pusat latihan koperasi di Malaysia. Sebagai memenuhi hasrat dan tujuan lawatan iaitu untuk berkongsi maklumat, pihak MKM juga turut dipersembahkan dengan taklimat berkaitan perkembangan institusi pendidikan di Bangladesh.

Dalam sesi soal jawab pula, delegasi dan wakil MKM saling bersoal jawab dan berkongsi pandangan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai cara kerja, budaya dan sistem pendidikan yang diamalkan di institusi masing-masing. - *Nuur Fadzillah Zulkepli*



Cenderamata disampaikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff kepada wakil delegasi



## Lawatan dari Koperasi Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra, Pulau Pinang

Maktab Koperasi Malaysia tidak hanya menjadi tumpuan kunjungan hormat dari negara luar, malahan juga turut menjadi perhatian pelawat dari dalam negara. Pada 19 April 2013, MKM telah menerima lawatan dari Koperasi Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra,

Pulau Pinang. Lawatan sambil belajar ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus jangka panjang yang ditawarkan oleh MKM.

Seramai 24 orang pelajar dan 3 orang guru terlibat dalam lawatan ini dan. Sesi taklimat kepada peserta lawatan telah disempurnakan oleh Cik

Sharina bt Abdullah, Pensyarah Kanan Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi MKM.

Para pelajar dipertontonkan dengan tayangan video korporat MKM terlebih dahulu sebelum diberi taklimat mengenai kursus jangka panjang. - *Nuur Fadzillah Zulkepli*

## Lawatan dari Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad, Johor

Sebulan selepas menerima kunjungan lawatan pelajar dari Pulau Pinang, MKM menerima lawatan dari pelajar Koperasi SMK Bandar Kota Tinggi Berhad, Johor. Lawatan ini disertai oleh 39 orang pelajar dan 5 orang guru pengiring.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kursus jangka panjang yang ditawarkan di MKM. Cik Sharina Abdullah, Pensyarah Kanan Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi MKM memberikan taklimat kursus jangka panjang kepada para pelajar.

Lawatan yang berlangsung selama 2 jam ini telah dipenuhi dengan lain-lain aktiviti seperti kuiz dan pelbagai aktiviti sepanjang sesi taklimat diadakan. Pelajar-pelajar turut diberikan cenderamata korporat MKM sebagai tanda kenangan. - *Nuur Fadzillah Zulkepli*



## Lawatan Kerja ke Singapore National Co-operative Federation (SNCF) dan NTUC FairPrice Co-operative Limited

Lawatan yang diadakan pada 6-7 Jun 2013 adalah untuk mempelajari daripada *National Trades Union Congress* (NTUC) dan *Singapore National Co-operative Federation* (SNCF) bagaimana Kesatuan Sekerja di Singapura telah berjaya menubuhkan *supermarket* dan rangkaian pasar raya di Singapura. Rombongan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Saripuddin Kasim, KSU KPDNKK bersama-sama dengan 12 delegasi termasuk dari Koperasi Penjawat Awam 1Malaysia dan Koperasi NTUC telah dibawa melawat ke SNCF dan NTUC Fairprice.



Dari kiri: Perbincangan antara YBhg Dato' Saripuddin, Ms. Dolly Goh, Datuk Nik Ali dan Dr. Ahmad Zahiruddin sebelum taklimat

### Perkembangan Koperasi di Singapura

Koperasi di Singapura telah menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti pasar raya, insurans, perumahan, penjagaan anak-anak dan orang tua, jimat cermat dan pinjam meminjam, kebajikan, kesihatan, hartanah, pelancongan dan pekerjaan. Terdapat sebanyak 84 buah koperasi di Singapura secara keseluruhannya. SNCF telah ditubuhkan pada tahun 1980 dan merupakan badan puncak koperasi di Singapura. Tugas SNCF adalah untuk memberi kesedaran dan mendidik rakyat Singapura tentang kebaikan berkoperasi. SNCF mempunyai 72 ahli gabungan koperasi yang boleh dibahagikan kepada empat sektor iaitu sektor koperasi NTUC, sektor koperasi kampus, sektor koperasi kredit dan sektor koperasi perkhidmatan. Jumlah hasil koperasi telah melonjak 2.6 kali ganda kepada \$10.2 bilion bagi jangka masa 5 tahun. Pada tahun 2007 pendapatan koperasi hanya \$ 3.9 bilion. Jumlah aset koperasi telah meningkat dari \$2.62 bilion pada tahun 2007 kepada \$30.1 bilion tahun 2012. Koperasi di Singapura hanya menyumbang 0.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan ianya telah memberi kesan kepada kehidupan 1.3 juta penduduk Singapura.



Semasa lawatan ke NTUC FairPrice bersama Mr Ah Yam

Koperasi di Singapura tidak membayar cukai korporat tetapi mereka harus membayar levi. Kerajaan telah menstrukturkan sedemikian rupa untuk membantu koperasi terutamanya koperasi kampung. Pendapatan levi ini tidak disalurkan kepada Jabatan Hasil (Inland Revenue).

Struktur koperasi berbeza dengan struktur korporat. 5% levi dikenakan atas pendapatan \$500,000 yang pertama dan disalurkan kepada Central Cooperative Fund untuk membantu membangunkan semula koperasi. Kebiasaannya cukai korporat digunakan untuk pendidikan dan penstrukturkan semula. Contohnya, NTUC FairPrice telah membayar cukai 20% dan duitnya disalurkan ke *FairPrice Foundation* untuk membantu gerakan koperasi di Singapura seperti pendidikan dan latihan, pengauditan dan lain-lain untuk membangunkan gerakan koperasi.

### Lawatan ke FairPrice

Rombongan telah disambut oleh Mr Tng Ah Yam (Pengarah Urusan) dan taklimat telah diberikan oleh beliau sendiri. FairPrice telah ditubuhkan pada tahun 1973 sebagai NTUC Welcome.

Pada tahun 1983 NTUC Welcome telah bergabung dengan Koperasi Pekerja-Pekerja Singapura (Singapore Employees Co-operative) dan terbentuklah NTUC FairPrice Co-operative Limited. Ia merupakan pembekal barangan runcit yang terbesar di Singapura dengan jaringan lebih daripada 200 buah *outlet*. NTUC FairPrice terdiri daripada FairPrice Supermarkets, FairPrice Finest, FairPrice Xtra, FairPrice Online, FairPrice Xpress dan kedai serba guna Cheers.

Pada tahun 1998, FairPrice telah menubuhkan Pusat Pengumpulan

dan Pengedaran barangan runcit yang terbesar di Singapura. Pada tahun 2003, FairPrice telah membina pusat pengedaran makanan segar Fresh Food Distribution Centre.

FairPrice juga telah menubuhkan sebuah pusat latihan tenaga kerja iaitu NTUC FairPrice Training Institute. Antara tujuan penubuhan institusi latihan ini adalah untuk melatih dan membimbing para pekerja yang terlibat dalam semua pusat peruncitan NTUC FairPrice pusat ini melatih para pekerja untuk menjadi pekerja yang berdisiplin, serta mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tinggi.

NTUC juga memberi pendekatan harga patut kepada anggota koperasi dengan memberi potongan 2% kepada penduduk yang berumur lebih daripada 60 tahun pada setiap hari Selasa dengan menunjukkan kad kesetiaan.- *Roziah Mohamed*



Para peserta bergambar bersama Dr Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM

## Malaysian Technical Co-operation Programme (MTCP) “Certificate In Co-operative Poverty Reduction”

Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan satu program MTCP *Certificate in Co-operative Poverty Reduction* yang berlangsung dari 4 Mac 2013 hingga 21 Mac 2013. Program ini di bawah tajaan kerajaan Malaysia yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman dengan negara-negara membangun yang lain dalam mewujudkan kerjasama teknikal selatan-selatan. Seramai 12 peserta dari 8 buah negara iaitu Sudan, Jordan, Maldives, Bhutan, Algeria, Sri Lanka, India, Nepal dan 2 peserta dari Malaysia telah dipilih untuk mengikuti program ini. Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menjadi urus setia program ini.

Program yang bermula pada 4 Mac 2013 telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Ramlan Kamsin selaku Pengarah Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi. Program dimulakan dengan aktiviti pembelajaran dalam kelas yang disampaikan oleh penceramah dari MKM dan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, MARDI, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Institut Kemajuan Desa (INFRA), Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), dan wakil Koperasi Kredit Batang Berjuntai. Antara topik yang telah dipilih menjurus kepada peranan agensi-agensi kerajaan di Malaysia dalam membasmi kemiskinan.

Selain itu, beberapa penceramah MKM telah dilantik membincangkan

isu-isu dalam membasmi kemiskinan dari sudut peruncitan, pembangunan modal insan, pengurusan strategik dan sebagainya. Penceramah MKM yang dimaksudkan ialah Pn. Norwatim Abd Latiff (Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Tuan Haji Ramlan Kamsin (Pengarah Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi), Dr. Jamilah Din (Pengarah Pusat Konsultasi), Pn. Hjh. Nurizah Noordin (Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi), Pn. Aishah Ariffin (Pengarah Pusat Perakaunan dan Kewangan) Pn. Najmah Nawawi (Ketua Unit Teknologi Maklumat) dan En. Mohd Rasydi Abd Rasid (Pegawai Khas Ketua Pengarah). Para peserta juga telah didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu oleh En. Khairul Akmal Saim selaku Penolong Pengarah Unit





Lawatan ke Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan



Lawatan ke Koperasi Pekebun Getah Negeri Melaka Berhad dan Koperasi Anggota-anggota Kerajaan Batu Pahat Berhad

Perkhidmatan Perpustakaan MKM yang bertujuan untuk memperkenalkan identiti Malaysia di mata dunia.

Selain aktiviti pembelajaran di dalam kelas, program ini juga dimuatkan dengan lawatan sambil belajar ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), dan FELDA Trolak bagi memperkenalkan para peserta dengan kementerian dan

agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan koperasi di Malaysia.

Selain itu juga, para peserta dibawa melawat ke beberapa koperasi di sekitar Negeri Melaka dan Johor untuk memperlihatkan bagaimana koperasi-koperasi di Malaysia membantu meningkatkan ekonomi anggotanya. Koperasi-koperasi yang terpilih dalam lawatan program ini ialah Koperasi Pengusaha Nanas Batu Pahat, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat dan Koperasi Anggota-anggota Kerajaan Berhad.

Satu upacara penutupan juga telah diadakan bagi meraikan para peserta dan juga para hadirin yang terlibat dalam menjayakan proqram MTCP 2013. Upacara penutupan ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Hj. Md Yusof Bin Samsudin, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM yang turut dihadiri oleh Pn. Norwatim Abd Latiff Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM, pegawai dari kedutaan Algeria dan Maldives, warga kerja MKM dan sebahagian pelajar program jangka panjang MKM. - Siti Hajar Saaey

# Kolokium 2013



Ucapan perasmian oleh Pn. Norwatim Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), MKM



Peserta Kolokium bergambar kenangan yang terdiri daripada pegawai latihan MKM, pegawai KPDNKK, pegawai SKM dan pegawai ANGKASA

Pembudayaan ilmu, perkongsian maklumat dan pengalaman dalam kalangan pegawai latihan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) merupakan teras utama dalam mencapai hasrat menjadikan MKM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan koperasi di Malaysia. Sejarar dengan itu, pada 24 hingga 26 Jun 2013 bertempat di Hotel Hilton Kuching, Sarawak telah berlangsung Program Kolokium 2013 yang telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (R&I) dengan kerjasama MKM Cawangan Sarawak.

Program Kolokium 2013 ini diadakan untuk perkongsian idea dan pengalaman hasil dari program sangkutan (attachment) oleh pegawai latihan MKM yang dijalankan di koperasi dalam atau luar negara yang berjaya. Tujuan utama perkongsian

ilmu menerusi pembentangan dan perbincangan kajian kes ini diharapkan dapat mencetus idea-idea baru yang dapat memberi nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Sehubungan itu, sebanyak 12 kes kisah kejayaan telah dibentangkan dan dibincangkan menerusi program ini iaitu kajian kes dalam dan luar negara seperti Itali, Sepanyol, Finland, India, China, Filipina dan Jepun. Koleksi kisah kejayaan koperasi ini merupakan sebahagian daripada saluran perkongsian ilmu pegawai latihan MKM mengenai kemajuan, amalan pengurusan serta pengalaman koperasi yang terpilih sehingga berjaya mencapai prestasi yang cemerlang dalam setiap aktiviti yang diceburi. Selain itu, terdapat empat kes

pengurusan yang membincangkan isu dan masalah berkaitan pentadbiran dan pengurusan koperasi yang boleh menjadi bahan rujukan kepada tenaga pengajar untuk merancang dan memimpin pembelajaran yang lebih sistematik semasa menggunakan kajian kes ini sebagai bahan pengajaran.



Penyampaian cenderamata dan sijil



Antara peserta program kolokium 2013 yang hadir



Sesi pembentangan kajian kes oleh pegawai latihan MKM

Program dua hari ini telah dihadiri oleh seramai 56 orang peserta yang terdiri dari Timb. Ketua Pengarah (Akademik), Pengarah Pusat dan Cawangan, pegawai latihan dari MKM Petaling Jaya, Cawangan Sabah, Sarawak, Utara, Timur, Selatan, dua orang pegawai dari KPDNKK Sarawak, dua orang pegawai SKM Sarawak dan seorang pegawai ANGKASA Sabah

dan seorang pegawai ANGKASA Sarawak.

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan lancar dan efektif dengan komitmen daripada semua pegawai yang telah hadir dalam program ini. Pembentangan dan perbincangan kajian kes oleh pegawai latihan MKM telah dijalankan dalam suasana yang sangat memberangsangkan dan

perkongsian maklumat, komen dan cadangan yang bernas serta sesi soal jawab berjalan dengan aktif.

Justeru, penganjuran program kolokium 2013 ini diharap menjadi platform MKM untuk memantapkan maklumat pengajaran dan pembelajaran menerusi perkongsian dan percambahan idea dari semua pihak yang terlibat menerusi program ini. - Azmaliza Arifin



Peserta kursus Pemprosesan Baja Organik Tinja Kambing & Lembu Secara Komersial

## Pemprosesan Baja Organik Tinja Kambing & Lembu Secara Komersial

Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah mengadakan kursus Pemprosesan Baja Organik Tinja Kambing dan Lembu Secara Komersial pada 9 – 11 April 2013. Kursus ini diadakan dengan kerjasama Koperasi MJ Fatonah Berhad yang terletak di Kg. Teluk Penyamun, Kuala Selangor. Koperasi MJ Fatonah Berhad merupakan koperasi yang menjalankan aktiviti penternakan seperti ternakan lembu, kambing dan unggas. Kursus ini dihadiri oleh 18 orang peserta.

Objektif kursus ini adalah untuk peserta mempelajari aspek – aspek pengurusan perniagaan dalam menghasilkan baja organik serta mampu memproses dan mengusahakan perniagaan baja organik untuk dikomersialkan.

Sepanjang kursus ini para peserta didedahkan dengan topik-topik penting seperti potensi industri perniagaan baja organik, teknik pengendalian bahan, peralatan dan pemprosesan baja organik, strategi pemasaran dan pengurusan akaun baja organik. Peserta juga berpeluang

untuk menjalani latihan amali teknik pengumpulan, menghancurkan, membuat dan membungkus baja.

Keistimewaan kursus ini adalah peserta dapat merasai suasana sebenar berada di ladang ternakan kerana kesemua peserta dikehendaki menginap di asrama rumah ladang koperasi ini. Sebahagian peserta kursus juga telah terlibat dalam bidang ternakan haiwan kambing dan lembu tetapi tidak mempunyai kemahiran dalam memproses tinja haiwan ternakan. Mendengar ceramah dan juga tip-tip daripada seorang usahawan yang telah memenangi beberapa anugerah penternak berjaya dan boleh dibanggakan dalam perniagaan penternakan memberi kefahaman kepada peserta tentang prospek perniagaan penternakan terutama berkaitan baja organik serta memberi pengetahuan tentang persediaan dan keperluan untuk menjadi penternak yang berjaya.

Maklum balas diberikan oleh peserta ialah kursus ini dapat membantu perniagaan penternakan mereka untuk



Proses pembungkusan baja organik



Latihan amali untuk menghancurkan tinja



Peserta kursus sedang menjalani latihan amali mengumpul tinja lembu

lebih maju dan berdaya saing dalam industri ini agar lebih berjaya di masa hadapan. Program ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan dan para peserta juga berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang. - *Norhayati Abd Rahman*

## Bicara Profesional

### Pematuhan Garis Panduan Koperasi Sebagai Mekanisme Tadbir Urus Berkesan



Sebahagian peserta Bicara Profesional

Pematuhan terhadap perundangan koperasi merupakan suatu perkara yang signifikan dan perlu dititikberatkan oleh koperasi. Ia mencerminkan konsep tadbir urus yang baik bagi sesebuah koperasi. Peruntukan Seksyen 86B Akta Koperasi 1993, telah menzahirkan kuasa kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk mengeluarkan garis panduan yang perlu untuk memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada peruntukan Akta. Justeru, semua koperasi dikehendaki untuk mematuhi peruntukan yang terdapat dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM.

Selaras hasrat untuk merealisasikan pemakaian dan pematuhan garis panduan ini kepada gerakan koperasi, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di bawah penganjuran Pusat Pentadbiran Perundangan dan Kepimpinan Koperasi (CALL) telah mengadakan program Bicara Profesional pada 8 Julai 2013

bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Objektif program tersebut adalah untuk memberikan pendedahan kepada para koperator tentang peruntukan yang berkaitan dengan garis panduan koperasi dan menghuraikan persoalan-persoalan berkaitan dengannya. Selain itu, para peserta juga diharap dapat mengaplikasikan peruntukan Garis Panduan SKM selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan perundangan berkaitan dengannya dalam koperasi masing-masing.

Program setengah hari ini disasarkan kepada para koperator di bahagian tengah dan selatan Semenanjung iaitu negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 330 orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga

Koperasi (ALK), pengurus koperasi, kakitangan kanan koperasi, Juruaudit Dalam (JAD), Ahli Jawatankuasa Koperasi (AJK) dan anggota koperasi termasuk Pengarah SKM negeri-negeri tersebut.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Puan Norwatim Hj. Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM. Manakala pembentangan kertas kerja bertajuk "Pemantapan Pematuhan Garis Panduan Koperasi" telah disampaikan oleh Puan Norhayati Binti Ahmad Zainuri, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Statutori dan Pendaftaran SKM dan dipengerusikan oleh Encik Mohd Safa'ai Said, Pengarah Pusat Pentadbiran Perundangan dan Kepimpinan Koperasi, MKM.



Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik merasmikan majlis



Puan Norhayati Ahmad Zainuri, pembentang dari SKM



Sesi pembentangan kertas kerja dimulakan En. Mohd Safa'ai Said (kanan) sebagai moderator

Dalam sesi pembentangan kertas kerja tersebut, Puan Norhayati menekankan betapa pentingnya koperasi perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM sebagai mekanisme kawal selia koperasi yang secara tidak langsung akan mewujudkan budaya kerja cemerlang dalam koperasi. Sebaliknya, ketidakpatuhan akan menimbulkan pelbagai kesan negatif, terutamanya daripada aspek kegagalan untuk mengamalkan sistem tadbir urus yang berintegriti dalam koperasi di negara ini.

Selepas pembentangan kertas kerja berkenaan, satu sesi soal jawab diadakan bersama peserta bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Kebanyakan peserta telah mengajukan pelbagai persoalan dan pandangan berkaitan dengan pematuhan garis panduan yang disediakan oleh SKM, di samping isu-isu semasa berkaitan koperasi di negara ini.

Pada keseluruhannya, program Bicara Profesional tersebut sangat bermanfaat dan membuka minda kepada para peserta dalam soal mematuhi dan mengaplikasikan garis panduan dalam koperasi masing-masing sebagai suatu mekanisme bagi mewujudkan tadbir urus koperasi yang berkesan. - Rohalinda Ahad



Cenderamata disampaikan oleh Pn. Norwatim Abd Latiff (kiri) kepada pembentang



Sesi soal jawab

## Potensi Perkhidmatan Teksi dan Lori Dalam Menjana Pendapatan Koperasi



Setiausaha KPPCB sedang berkongsi pengalaman

Laporan Ekonomi 2012/2013 menganggarkan sumbangan sektor pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 5.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan diunjurkan peningkatan kepada 6.7% untuk tahun 2013. Sehingga tahun 2011, terdapat 418 buah koperasi terlibat dalam sektor ini dengan hasil sebanyak RM558 juta. Prestasi ini perlu dipertingkatkan untuk memastikan sumbangan koperasi dalam sektor pengangkutan adalah signifikan.

Sehubungan itu, Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt) telah mengambil inisiatif

menganjurkan program Bicara Profesional bertemakan “Potensi Perkhidmatan Teksi dan Lori Dalam Menjana Pendapatan Koperasi”.

Bicara Profesional ini berlangsung di Selesa Beach Resort, Port Dickson pada 2 Julai 2013. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Norwatim binti Haji Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM. Objektif utama Bicara Profesional ini ialah untuk memberi pendedahan dan maklumat berkaitan dasar, pekeliling, prosedur untuk menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan berkongsi pengalaman koperasi dari segi operasi perkhidmatan pengangkutan teksi.

Untuk tujuan itu, tiga orang penceramah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang terdiri daripada Pengurus-pengurus Divisyen Pengangkutan Awam Jalanraya dan Divisyen Kenderaan Barangan serta Setiausaha Koperasi Pengangkutan Putrajaya dan Cyberjaya Berhad telah

diundang sebagai pembentang kertas kerja. Sesi pembentangan kertas kerja tersebut dipengerusikan oleh mantan Pengarah Pusat ReCEnt iaitu Tn. Hj. Hassan Hj. Ahmad. Sesi soal jawab pula diadakan sejurus selesai pembentangan kedua-dua kertas kerja tersebut. Pelbagai soalan, cadangan dan pandangan telah dilontarkan oleh peserta yang hadir kepada para pembentang.

Secara keseluruhannya, pemilihan tema kali ini bertepatan sebagai pendedahan awal kepada kursus baharu yang akan ditawarkan oleh Pusat ReCEnt. Sebagai salah satu bidang keberhasilan utama, kursus Pengurusan Perniagaan dan Perkhidmatan Teksi akan dijalankan berserta kajian lapangan dan bengkel susulan pada tahun hadapan. Adalah diharapkan dengan penganjuran Bicara Profesional ini akan dapat membantu koperasi yang telah ataupun berminat untuk menjalankan perkhidmatan teksi dan lori untuk menjana pendapatan koperasi. – Hafizal Abu Bakar



Barisan pembentang yang dipengerusikan oleh Tn. Hj. Hassan Ahmad (dua dari kiri)



Antara peserta yang hadir

## Cloud Computing: Revolusi Pengkomputeran Masa Kini



Pn. Najmah Nawawi (tengah) bersama pembentang kertas kerja, En. Zakaria Alli (kiri) dan En. Khairil Iszudin (kanan)



Sebahagian peserta yang menghadiri Bicara Profesional

**B**icara Profesional yang bertajuk *Cloud Computing: Revolusi Pengkomputeran Masa Kini* telah berlangsung dengan jayanya pada 4 Jun 2013 bertempat di Hotel Renaissance, Kota Bharu Kelantan. Program Bicara Profesional ini merupakan anjuran Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) buat kali ke-2 pada tahun ini. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM, Pn. Norwatim Abd Latiff.

Tajuk kali ini dipilih berkisarkan topik yang hangat diperkatakan buat masa ini iaitu teknologi *cloud computing* atau pengkomputeran awan yang semakin mendapat tempat dalam era digital masa kini. *Cloud computing* membawa perkembangan masa depan dan berpotensi mencergaskan inovasi koperasi pada masa akan datang. Dengan adanya projek jalur lebar berkelajuan tinggi Malaysia, tentunya boleh dimanfaatkan melalui teknologi *cloud computing* ini. Ia sejajar dengan

hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi digital dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Dengan itu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mengambil inisiatif untuk mengadakan program ini bagi memberi pendedahan kepada gerakan koperasi agar koperasi boleh mengambil peluang dan memanfaatkannya untuk menyokong aktiviti perniagaan koperasi agar berkembang maju ke peringkat global.

Objektif utama program ini antaranya ialah memperkenalkan dan memberi pendedahan berkenaan teknologi *cloud computing* dan impaknya serta mengenal pasti manfaat *cloud computing* kepada koperasi. Di samping itu, menyediakan landasan untuk koperasi membina jaringan dengan agensi, syarikat dan usahawan yang terlibat dengan *cloud computing*.

Seramai 240 orang koperator yang terlibat secara aktif dalam sektor koperasi didedahkan mengenai isu dan

potensi teknologi *cloud computing* yang telah disampaikan oleh En. Zakaria Alli, Pegawai Teknologi Maklumat daripada MIMOS Berhad. Pembentangan kertas kerja kedua pula disampaikan oleh En. Khairil Iszudin bin Ismail iaitu Pengurus IT di Xentral Methods Sdn. Bhd. Beliau telah berkongsi pengalaman dengan koperator yang hadir bagaimana teknologi *cloud computing* ini digunakan dalam memajukan perniagaan buku yang dijalankan secara *online*.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator yang hadir agar tidak ketinggalan dengan teknologi IT yang sentiasa berubah-ubah. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka untuk menganjurkan program-program seumpama ini di masa hadapan agar gerakan koperasi tidak ketinggalan untuk memanfaatkan teknologi IT yang terkini. - Nor Aslamiah Ali



# Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Aktiviti Pelancongan



En. Mohd Badri Osman (kiri) dan Tn. Hj. Hassan Ahmad (kanan) mengendalikan sesi soal jawab



Pensyarah MKM, Pn. Norhayati Abd. Rahman

Pada 30 Januari 2013, telah berlangsung satu program Bicara Profesional bertajuk 'Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Aktiviti Pelancongan' dan taklimat Program Latihan MKM 2013 anjuran Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnT), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Hotel Tanjong Vista, Kuala Terengganu. Program ini telah dihadiri oleh 297 orang peserta di sekitar negeri Terengganu dan Kelantan.

Program ini telah dirasmikan oleh Tn. Haji Mohd Azmi Deris selaku Wakil Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu. Turut hadir ialah En. Mohamad Abdullah, Wakil Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) Terengganu serta Tn. Hj. Mohamad Yusuf, Setiausaha Perhubungan ANGKASA Negeri Terengganu.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang potensi industri pelancongan, untuk mewujudkan jaringan perniagaan antara koperasi dengan usahawan pelancongan dan merancang kerjasama strategik dalam sektor ini dalam kalangan koperasi serta

mempromosikan kursus-kursus yang akan dijalankan di MKM pada tahun 2013.

Program telah dimulakan dengan sesi taklimat Program Latihan MKM 2013 yang telah disampaikan oleh Pn. Norhayati Abd. Rahman dan Pn. Nurul Aini Muhammad selaku pensyarah MKM dan bagi kertas kerja Bicara Profesional pula telah dibentangkan oleh En. Mohd Badri Osman selaku Pengurus Besar Rakyat Travel Sdn. Bhd.

Pembentangan daripada Rakyat Travel ini mengenai bagaimana koperasi boleh menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan dan secara tidak langsung boleh dipertimbangkan oleh koperasi untuk menceburinya. Kertas kerja yang dibentangkan merangkumi

penglibatan koperasi, cadangan dan model perniagaan serta pendapatan perniagaan.

Selesai sahaja pembentangan kertas kerja, sesi soal jawab telah diadakan bersama peserta yang dipengerusikan oleh Tn. Hj. Hassan Ahmad, Pengarah Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan MKM bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap tajuk yang dibentangkan. Segala pandangan dan maklum balas yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa aktiviti pelancongan mampu menjana pendapatan koperasi termasuk anggota-anggota koperasi. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif. -  
*Noranita Mohd Nor*



Para peserta yang hadir

## Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dan Lawatan ke Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad



Ahli mesyuarat MBJ

Pada 28 Jun 2013 yang lalu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengadakan Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) di Holiday Villa, Alor Setar Kedah. Seramai tiga belas orang ahli mesyuarat MBJ telah menghadiri mesyuarat tersebut.

MBJ atau Majlis Bersama Jabatan adalah landasan bagi saluran dua hala antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk berkomunikasi dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan sesuatu organisasi. Di MKM, majlis ini dianggotai oleh wakil dari pengurusan yang terdiri daripada pihak pengurusan MKM dan wakil pihak pekerja yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional

serta sokongan. Skop isu yang boleh dibincangkan dalam MBJ adalah berkaitan hal kebajikan, kewangan, pentadbiran, skim perkhidmatan dan perjawatan, elaun dan kemudahan serta hal-hal selain dari perkara-perkara yang menyentuh peraturan dan dasar jabatan/kerajaan dan hal yang berkaitan orang perseorangan dan masalah peribadi.

Secara umumnya, MBJ membantu mewujudkan hubungan dan sikap yang positif antara pihak pengurusan dan pihak pekerja, kepuasan hati, peningkatan daya pengeluaran, peningkatan kualiti kerja, penjimatan kos, kemajuan pekerja, sikap hormat menghormati, penyelesaian masalah, kesetiaan kepada organisasi, dan perpaduan.

Ahli MBJ turut mengambil kesempatan untuk mengadakan lawatan ke Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad (KGMKB) yang diketuai oleh Pn. Hj Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan. Delegasi lawatan telah diberikan taklimat khas mengenai pengenalan dan aktiviti KGMKB dan seterusnya dibawa melawat Hotel Darul Aman yang diurus tadbir sendiri oleh pihak KGMKB. Antara aktiviti koperasi termasuklah pinjaman tunai tanpa faedah, pinjaman motosikal, pinjaman pelancongan/umrah, insurans kenderaan, pinjaman dermasiswa, pelan takaful mutiara plus, hadiah kecemerlangan pelajaran, kursus dan seminar.- Hamidah Mohd Jos



## MKM sertai Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN)



Sukan Badan-badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) merupakan sukan dwi-tahunan yang melibatkan sektor awam badan-badan berkanun di Malaysia. Kejohanan ini merupakan acara sukan kedua terbesar di Malaysia selepas Sukan Malaysia (SUKMA).

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) telah diberi penghormatan sebagai tuan rumah untuk SUKANUN kali ke-8. Sebanyak 71 agensi mengambil bahagian dan 28 acara dipertandingkan di SUKANUN pada tahun ini. Kejohanan tersebut bermula dari 24 Jun 2013 hingga 2 Julai 2013.

Ia merupakan satu landasan yang baik kepada semua kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang terlibat kerana dapat mempamerkan

semangat kesukanan dan semangat persaudaraan dalam kalangan atlet. Selain itu ia dapat menaikkan nama MKM selain dijadikan satu platform untuk mempromosikan MKM dalam kalangan ahli-ahli badan berkanun di Malaysia.

MKM menyertai 4 acara dalam kejohanan SUKANUN kali ini iaitu acara petanque, dart campuran, basikal bukit dan memancing. Secara keseluruhannya, seramai 35 orang yang terlibat iaitu 21 atlet, 5 pengurus dan jurulatih dan 9 orang pegawai delegasi.

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan MKM, Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan berbesar hati meluangkan masa untuk menghadiri majlis perasmian pada 28 Jun 2013.

Acara dart campuran disertai oleh 32 agensi. Seramai 10 kakitangan MKM terlibat dalam acara ini. MKM diundi dalam kumpulan E bersama Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKN), Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Acara petanque telah disertai oleh 9 agensi dan 10 kakitangan MKM terlibat dalam acara petanque ini. MKM diundi dalam kumpulan C bersama Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ). MKM melalui acara perseorangan iaitu Abdul Razak Osman, telah layak sehingga ke pusingan suku akhir.

Acara Basikal Bukit telah disertai oleh 12 agensi. Seramai 5 kakitangan MKM terlibat iaitu 4 pelumba dan



Majlis makan malam



Pasukan memancing MKM



Kontinjen MKM hadir memberi semangat kepada pasukan petanque

seorang pengurus. Jarak bagi acara basikal bukit ini adalah 30km yang meliputi laluan jalan raya dan laluan *off road* iaitu pendakian

bukit-bukit kecil. Seorang pelumba MKM berjaya menempatkan diri di tangga ke-14 daripada 48 pelumba keseluruhannya.

Acara memancing telah disertai oleh 23 agensi. Seramai 3 kakitangan MKM terlibat iaitu 2 pemain dan seorang pengurus. - *Kelab Sukan dan Sosial MKM*

# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012



Dato' Hj. Md. Yusof bin Samsudin merasmikan majlis

Selaras dengan transformasi negara ke arah budaya kerja cemerlang, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Ini bertujuan untuk mengiktiraf prestasi kerja anggota berkenaan di samping mengambil kira sumbangannya yang

telah menaikkan imej organisasi dan perkhidmatan awam.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM bagi tahun 2012 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Md. Yusof bin Samsudin, Pengerusi Lembaga MKM pada 21 Jun 2013.

Antara inti pati ucapan YBhg Dato' Haji Md. Yusof bin Samsudin, Pengerusi Lembaga MKM berharap agar penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini menjadikan anugerah ini sebagai titik tolak untuk terus memacu pencapaian MKM dan Kementerian dengan lebih terkemuka setanding dengan pencapaian anggota perkhidmatan awam di negara-negara maju.

Beliau juga memaklumkan statistik menunjukkan daripada 205 orang kakitangan MKM, seramai 173 orang kakitangan MKM telah berjaya

mendapat markah nilai 85% ke atas iaitu 84.39% telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Memandangkan Pekeliling Perkhidmatan bilangan 13 tahun 2012. hanya menghadkan 8% sahaja yang diberikan anugerah, ini tidak bermakna kakitangan yang tidak menerima anugerah adalah tidak cemerlang.

Seramai 16 orang warga kerja MKM telah dipilih untuk menerima APC iaitu berupa Sijil Simpanan Premium berjumlah RM1,000.00 berserta sijil penghargaan. Penghargaan dan penerima anugerah terdiri daripada pelbagai peringkat.

Manakala seramai 6 orang menerima Anugerah Ketua Pengarah yang berupa Sijil Penghargaan dan Wang Tunai RM100.00. Penerima anugerah tersebut adalah seperti berikut:

## Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Pn. Azlifah bt. Abas	Pegawai Latihan, Gred E44
2.	En. Asha'ari b. Arshad	Pegawai Latihan, Gred E41
3.	Pn. Salwana bt. Ali	Pegawai Latihan, Gred E41
4.	En. Ju Samsuddin b. Safian	Pegawai Latihan, Gred E41
5.	En. Mohamad Haswardi b. Morshidi	Pegawai Latihan, Gred E41
6.	Pn. Juliana bt. Md Yusop	Pegawai Latihan, Gred E41
7.	Cik Nur Syazwani bt. Zainul Abidin	Pegawai Latihan, Gred E41
8.	En. Mohd Zulkifli b. Sedik	Akauntan, Gred W41
9.	Pn. Hartini bt. Taman	Penolong Akauntan, Gred W27
10.	Pn. Irawana bt. Ibrahim	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29
11.	Pn. Sharepah Nur Azirah bt. Shareh Abd Rahman	Penolong Pegawai Penerbitan Gred N27
12.	En. Abu Bakar bin Ramle	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
13.	En. Faizul Amilin b. Hamzah	Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17
14.	Pn. Rokiah binti Omar	Pembantu Am Pejabat Gred N4
15.	En. Mohd Azman b. Mohd Rusli	Pekerja Awam Khas Gred R3
16.	En. Mohd Irwan b. Abdul Malik	Pemandu Kenderaan Gred R3

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Pn. Yusnita bt. Othman	Pegawai Latihan Gred E41
2.	Pn. Noor Shafeeza bt. Zainuddin	Pegawai Latihan Gred E41

3.	Pn. Nor Arma bt. Abu Talib	Pegawai Latihan Gred E41
4.	En. Mohd Rasid b. Abdul Hair	Penolong Juruaudit Gred W27
5.	Cik Hanani bt. Abdul Rashid	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
6.	En. Muhammad Azri b. Kamis	Pembantu Am Pejabat Gred N1

Dalam pada itu juga MKM tidak melupakan jasa bakti warga kerjanya yang telah lama mencurahkan bakti dalam memajukan MKM dengan memberi Anugerah Khidmat Setia Dan Berjasa kepada 19 orang pegawai.

Dua orang pegawai yang berkhidmat melebihi 35 tahun menerima Wang Tunai RM700.00 berserta Sijil Penghargaan iaitu:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Pn. Zaharaini bt. Hatim	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
2.	En. Kamaruddin b. Bazid	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22

Enam orang pegawai yang berkhidmat melebihi 20 tahun menerima Wang Tunai RM300.00 berserta Sijil Penghargaan iaitu:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Tn. Haji Ramlan b. Kamsin	Pegawai Latihan Gred E52
2.	En. Azman b. Mohd Ghazali	Pegawai Tadbir Gred N48
3.	Pn. Zubaidah bt. Ismail	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32
4.	En. Halim b. Kandar	Tukang K1 Gred R24
5.	En. Mustapa b. Hassan	Pembantu Penyediaan Makanan Gred N17
6.	En. Mohd Khir b. Salleh	Pemandu Kenderaan Gred R6

Seorang pegawai yang berkhidmat melebihi 15 tahun menerima Wang Tunai RM200.00 berserta Sijil Penghargaan iaitu:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Pn. Rubiah bt. Sabran	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27

10 orang pegawai yang berkhidmat melebihi 10 tahun menerima Wang Tunai RM150.00 berserta Sijil Penghargaan iaitu:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Cik Sharina binti Abdullah	Pegawai Latihan Gred E44
2.	En. Mohamad Rasydi b. Rashid	Pegawai Latihan Gred E44
3.	Pn. Nor Azlina bt. Kassim	Pegawai Latihan Gred E41
4.	En. Md Nasrein b. Islah	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32
5.	Pn. Noramezah bt. Hj. Amran	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29
6.	En. Mohd Shahril b. Md Saleh	Penolong Akauntan Gred W27
7.	En. Fauzi b. Habib	Penolong Pengurus Asrama Gred N27
8.	Pn. Siti Norehan bt. Shahari	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
9.	En. Syamsul Syahiedan b. Shamsu Kamal	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
10.	Pn. Norlizawati bt. Mohamad Zamzamil	Pembantu Am Pejabat Gred N1

Dalam ucapannya, YBhg. Dato' Haji Md. Yusof bin Samsudin menyeru agar MKM sentiasa menjadi sebuah pasukan yang berprestasi tinggi iaitu sering memberi kepuasan kepada pelanggan, pekerja, stakeholders serta pihak lain yang berkepentingan dalam organisasi, sentiasa menekankan aspek penambahbaikan yang berterusan dalam perancangan dan pengurusan aktiviti serta kerap menghasilkan kualiti kerja yang lebih baik. – *Rubiah Sabran*



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012

# Program Pembangunan Sahsiah dan Jati Diri Warga MKM



Sesi taklimat mengenai aktiviti yang akan dijalankan

Taman Negara menjadi sebuah destinasi ekopelancongan terkenal di Malaysia. Terdapat banyak daya tarikan dari segi geologikal dan biologikal di taman ini serta sesuai untuk semua aktiviti. Menempuh perjalanan selama 3 jam dari Kuala Lumpur ke Taman Negara Kuala Pahang amat memematkan. Namun, ianya sangat berbaloi apabila dapat menjejakan kaki di sana. Keindahan hutan hujan tropika, kicauan unggas, serta bunyi aliran Sungai Tembeling begitu mengasyikkan.

Oleh itu bertempat di MatLeon Village Taman Negara Kuala Tahan Pahang, pihak Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan program Pembangunan Sahsiah dan

Jati Diri. Seramai 40 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan Gred B, C dan juga D telah terpilih untuk menyertai program ini. Program tersebut berlangsung dari 6 Jun hingga 8 Jun 2013 di bawah kelolaan Cekal Kembara dan Adventure.

Terdapat beberapa konsep penekanan program yang diterapkan bagi menggarap pembinaan dalam aspek-aspek seperti *courage, endurance, knowledge, attitude dan leadership*. Program yang dijalankan berbentuk motivasi, *team building, adventure* dan rekreasi. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini ialah aktiviti *team building, river trekking, jungle trekking, hiking, owling, rapid shooting* dan ceramah motivasi.

Objektif bagi program ini ialah:

- Membina keyakinan diri seseorang individu dalam mengembangkan potensi diri mereka mengikut kemampuan dan kecerdasan yang ada;
- Membantu individu supaya lebih berkeyakinan, bersedia dalam mempelajari ilmu dan menambah pengalaman;
- Mengamalkan sikap bertanggungjawab kepada diri sendiri, rakan-rakan, ibu bapa, pemimpin, organisasi, agama, bangsa dan tanah air.
- Memupuk semangat setia kawan, kerjasama dan bekerja secara berpasukan; dan
- Memupuk dan mengasah nilai dan bakat kepimpinan;

Peserta program dibahagikan kepada empat kumpulan yang terdiri daripada 10 orang bagi setiap kumpulan. Setiap kumpulan diberi peluang untuk memberikan nama kumpulan masing-masing. Nama-nama yang dipilih ialah Merak, Dinamik, Kelah dan Lebah. Program berlangsung dengan jayanya. Tahniah kepada semua kerana sudi memberi komitmen. – Mohd Khairul Abdul Rasid



River Trekking



Gigih menyiapkan rakit



Bergambar kenangan

## MKM Bersama Masyarakat: Pencetus Minda Menggerak Masyarakat



Kakitangan MKM yang terlibat sepanjang program berlangsung

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) melakarkan satu lagi sejarah pada tanggal 22-24 Mac 2013 apabila MKM buat julung kalinya menganjurkan program di bawah tanggungjawab sosial (CSR) yang bertujuan mendekati masyarakat koperasi khususnya dan masyarakat luar bandar umumnya.

Untuk tujuan itu, MKM telah turun padang, berada lebih dekat dengan masyarakat luar bandar di kawasan Bera, Pahang Darul Makmur. Lokasi yang telah dituju ialah Kg. Charuk Puting, Kg. Guai, Kg. Batu Bor dan Kampung Paya Mengkuang Ladang. Kampung-kampung yang terpilih ini berdekatan antara satu sama lain dan terletak kira-kira 20 kilometer dari Bandar Temerloh. Perjalanan mengambil perjalanan selama lebih kurang 20 minit atau lebih bagi sesetengah kampung.

Secara keseluruhannya objektif program berorientasikan serampang

dua mata yang menumpukan kepada promosi program MKM dan MKM Cawangan Timur serta mendekati para pelajar MKM dengan masyarakat. Sungguh pun kehadiran MKM di Bera adalah untuk mempromosikan program jangka panjang MKM kepada masyarakat, namun diharapkan melalui penganjuran program seumpama ini dapat menjadi asas bagi mendidik jati diri dan sahsiah mahasiswa melalui aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan serta menggalakkan integrasi dan penglibatan mahasiswa dengan masyarakat luar. Selain itu program ini turut menjadi satu medium bagi merapatkan ukhuwah antara warga kerja MKM, pelajar dan masyarakat setempat.

Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi dan MKM Cawangan Timur telah berganding bahu bagi menjayakan misi korporat MKM pada kali ini. Seramai 51

orang warga kerja dan 300 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar program diploma dan Ijazah Sarjana Muda telah mengambil bahagian dalam program CSR ini.

Program ini telah diserikan dengan kehadiran Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) merangkap Ahli Parlimen Bera. Perasmian majlis telah disempurnakan oleh YB Menteri pada 22 Mac 2013 di Sekolah Kebangsaan Kampung Guai, Bera, yang turut diiringi dengan penyerahan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM115,250 oleh YBhg. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), KPDNKK kepada YBhg. Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya, Ketua Pengarah MKM. BB1M turut diserahkan kepada wakil pelajar yang terdiri daripada anak-anak Pahang seramai 18 orang.



Selain itu upacara penyerahan wakil pelajar kepada setiap ketua kampung turut disisipkan sebagai agenda majlis sebagai acara simbolik penyerahan anak angkat kepada keluarga angkat. Sebanyak 100 buah keluarga telah terpilih untuk dijadikan keluarga angkat. Turut hadir sama ke majlis perasmian ialah Guru Besar S.K. Kg. Guai, Ketua-ketua Kampung yang terlibat iaitu En. Samsuddin Taib (Kg. Batu Bor), En. Shahrudin Abd. Manaf (Kg. Charuk Putting), En. Saifudin Muhamad (Kg. Guai dan En. Mat Lazim Haron (Kg. Paya Mengkuang Ladang), Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di Bera, Pegawai-pegawai MKM, guru-guru S.K. Guai, ibu bapa angkat serta penduduk kampung yang keseluruhannya mencecah angka 700 orang.

YB Menteri turut mengumumkan penyerahan S.K. Kg. Guai kepada MKM sebagai sekolah angkat semasa majlis perasmian program. Beliau dalam ucapannya berharap pihak MKM dapat membimbing sekolah ke arah prestasi yang lebih baik pada masa akan datang. Di majlis ini juga YB Menteri turut menyeru kepada para pelajar MKM agar mengambil pengalaman yang diperoleh sepanjang program sebagai kenangan dan pengalaman bagi meningkatkan sahsiah diri pelajar. Beliau menasihatkan supaya pelajar mempamerkan imej dan perlakuan yang baik sebagai 'duta kecil' MKM khususnya dan umumnya kementerian serta beliau sebagai menteri.

Sepanjang program pelbagai aktiviti telah dirancang secara holistik, memenuhi objektif program dan yang utamanya menyeluruh serta mewujudkan keseimbangan dari semua sudut kepada pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi aspek akademik, kemasyarakatan,



Turut hadir Pn Julia Bee Ramjan, Timb. Ketua Pengarah Pengurusan MKM (kanan)

sosial, kesukanan dan kerohanian. Antara program-program yang dikendalikan sepanjang program adalah sesi memperkenalkan MKM, taaruf pelajar bersama keluarga dan masyarakat kampung, ceramah motivasi, pertandingan mewarna kanak-kanak, ceramah agama, bacaan yasin dan tahlil, senamrobik, aktiviti gotong royong dan perasmian batu tanda oleh Ketua Pengarah MKM, sukan rakyat di pesisiran Sungai Pahang, bantuan kepada keluarga yang susah serta persembahan kebudayaan. Setiap kampung menjalankan program-program yang unik bagi merapatkan hubungan antara pelajar, keluarga angkat dan masyarakat kampung sendiri. Program-program diselaraskan oleh Cik Sharina dan Cik Noraesyah selaku urus setia utama program MKM Bersama Masyarakat. Namun program-program ini dijalankan di kampung masing-masing yang diketuai oleh En. Ahmad Faizal dan En. Muhamad (Kg. Batu Bor), Pn. Rosidah dan Cik Malesa

(Kg. Charuk Putting), En. Faisal dan Cik Maryam (Kg. Guai) dan En. Nusi dan En. Syed Idran (Kg. Paya Mengkuang Ladang) dengan dibantu oleh warga MKM yang komited dan berdedikasi sebagai urus setia di setiap kampung. Antara aktiviti gotong royong yang dijalankan adalah membersihkan balai raya, kawasan sekitar persisiran Sungai Pahang, surau, kawasan tanah perkuburan serta mengecat pagar masjid dan balai raya. Para pelajar dan urus setia turut bergotong royong bagi menyediakan makan tengah hari serta kenduri kampung yang dijalankan di setiap kampung.

Selama 3 hari 2 malam program telah berlangsung dengan padat dan berakhir pada 24 Mac 2013 dengan Majlis Perasmian Penutup Program MKM Bersama Masyarakat. Pelbagai aktiviti telah dijalankan semasa majlis penutup. Antaranya ialah, pop kuiz, cabutan bertuah, penghargaan kepada ketua-ketua kampung serta persembahan kebudayaan oleh para

pelajar yang telah mempersembahkan 'Tarian Selamat Datang' dan 'Joget Pahang'. Kumpulan dikir barat pula telah mengalunkan persembahan sebanyak lima buah lagu untuk hiburan para hadirin. Majlis Perasmian Penutup ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Ahmad Zahiruddin bin Yahya dan diserikan lagi kemeriahan majlis dengan kehadiran keluarga angkat dan masyarakat kampung sejak awal pagi bagi menghantar anak angkat pulang sejak awal pagi yang dianggarkan mencecah angka seribu orang.

perniagaan serbuk kunyit, katering, juga pengalaman tinggal di rumah keluarga angkat yang susah dan senang. Inilah antara bualan pelajar di akhir program. Namun yang paling penting ialah pengalaman hidup yang diperoleh oleh para pelajar sepanjang beberapa hari berkampung di Bera, Pahang. Daripada aktiviti yang dijalankan, pelajar belajar untuk mengadaptasi persekitaran yang asing kepada mereka, mempelajari perkara baru di luar bilik kuliah, belajar berorganisasi, interaksi dengan penduduk kampung. Kehadiran pelajar

gading. Program ini bukan sahaja amat positif bagi pelajar bahkan juga merupakan pengalaman yang unik serta merapatkan lagi ukhuwah sesama warga kerja MKM.

Secara keseluruhannya program MKM bersama masyarakat ini dilihat berjaya membuka minda pelajar serta mendidik jati diri dan ketahanan pelajar bagi mewujudkan pelajar MKM yang berkebolehan dan tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik semata-mata. Selain itu program ini berjaya memperkenalkan MKM kepada



TKP(Akademik)(berdiri tujuh dari kiri), TKP(Pengurusan) (berdiri enam dari kiri) dan urus setia bersama para pelajar bergotong-royong membersihkan kawasan pesisiran Sungai Pahang

Kemeriahan, keseronokan, senyuman dan kegembiraan bercampur keletihan jelas terpancar diraut wajah para pelajar dan keluarga angkat menjelang hari terakhir program. Setiap pelajar mempunyai seribu satu cerita tentang pengalaman bersama keluarga angkat mereka. Antara yang pengalaman menarik yang diceritakan ialah tinggal dengan usahawan yang mengusahakan

di Kg. Batu Bor, Kg. Charuk Putting, Kg. Guai dan Kg. Paya Mengkuang Ladang juga telah menimbulkan kesan di hati masyarakat kampung yang dulu agak asing dengan MKM. Kini masyarakat di sana lebih mengenali MKM dan mengharapkan agar pelajar MKM dapat menjadi pencetus idea dan membuka minda anak-anak kampung untuk menjejakkan kaki ke menara

masyarakat setempat serta mewujudkan jaringan antara MKM umumnya dan MKM Cawangan Timur khususnya dengan penduduk dan masyarakat setempat. Kesimpulannya program telah berjaya dijalankan dan penuh dengan seribu satu pengalaman bagi para pelajar, masyarakat Bera dan urus setia. Kini, MKM lebih dekat di hati masyarakat Bera! - *Sharina Abdullah*

## Borak Santai dan Moh Ngeteh Bersama Komuniti serta Koperasi



Setelah dua (2) tahun proses penjenamaan semula nama Maktab Kerjasama Malaysia kepada Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dilaksanakan, pelbagai usaha serta program telah dijalankan bagi memperkenalkan nama baru MKM sekaligus dapat menyampaikan maklumat berkaitan penambahan kursus-kursus yang ditawarkan kepada orang ramai. Masih berpegang kepada objektif utama penubuhan sebenar, MKM dikenali sebagai pusat latihan untuk ahli gerakan koperasi dalam membantu menyelia koperasi dengan lebih efisien.

Sehubungan itu, pada tahun ini pihak pengurusan tertinggi MKM telah bersetuju untuk memilih Bera, Pahang sebagai tempat warga kerja MKM berkampung bagi mengadakan "Program Borak Santai Bersama Komuniti dan Koperasi" dan "Program Moh Ngeteh Bersama Komuniti serta Koperasi". Jumlah keseluruhan program yang berjaya dilaksanakan adalah

sebanyak 5 program yang melibatkan 5 buah kampung dipilih.

Konsep yang diketengahkan dalam program adalah untuk mendekati penduduk kampung. Program melibatkan beberapa aktiviti. Antaranya ialah aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan program pada sebelah petang dan rawang untuk juadah makan malam untuk dinikmati bersama penduduk kampung. Program yang menerapkan pendekatan 'santai' ini dilihat sebagai kaedah dalam memperkenalkan MKM kepada penduduk setempat. Apa yang menarik sepanjang 5 program yang dijalankan, warga kerja MKM disajikan dengan pelbagai masakan terkenal penduduk setempat. Antaranya ikan patin dimasak tempoyak, ikan patin bakar serta ikan tilapia yang sememangnya terkenal di negeri ini.

Pada sebelah malamnya selepas solat isyak, objektif utama program diteruskan. Kemeriahan program

dapat dirasai apabila penduduk kampung berkumpul beramai-ramai di tapak program untuk mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pn. Norwatim bt Abd. Latiff (Timb. Ketua Pengarah Akademik). Bagi memeriahkan program yang berlangsung, turut diselitkan beberapa aktiviti. Antaranya kuiz-kuiz serta acara cabutan bertuah yang mana pelbagai hadiah berupa barangan korporat MKM, barangan elektrik serta hamper disediakan kepada penduduk kampung sebagai tanda penghargaan. Sepanjang kelima-lima program yang dijalankan, kerjasama yang diberikan oleh penduduk kampung sangat menyenangkan. warga kerja MKM dilayan penuh mesra oleh penduduk kampung. Program ini juga turut melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta agensi-agensinya di bawahnya. *Sayonara Bera, ada masa kita jumpa lagi.*

# Pemuafakatan Membina Kesejahteraan

## Koperasi Walai Tokou Homestay



Perbincangan antara Pengarah MKM Caw. Sabah dan wakil dari Koperasi Walai Tokou

Kampung Sinsinan terletak di kaki Gunung Kinabalu, 13km dari Pekan Ranau dan 98km dari Kota Kinabalu. Kampung ini telah diwujudkan pada 1932 dan kini kampung ini dihuni oleh seramai 968 orang penduduk. Kebanyakan dari penduduknya bekerja sebagai petani dan pekebun manakala generasi muda lebih minat bekerja sebagai kakitangan Kerajaan atau pun syarikat swasta.

Berbekalkan semangat untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Kampung Sinsinan, En. Kohadie B. Watiman memulakan usahanya dengan memberi pendedahan mengenai program Homestay kepada masyarakat Kampung. Usahanya ini mendapat sokongan dari YB Menteri Kebudayaan, Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah iaitu Datuk Masidi Majun. Usaha ini mendapat sokongan dari penduduk kampung di mana pada 2000, seramai 20 orang penduduk kampung telah dihantar menghadiri Kursus Asas Pengurusan Homestay anjuran INFRA

(Institut Kemajuan Desa). Kesemua peserta ini berjaya menerima sijil pengiktirafan sebagai pengusaha Homestay Walai Tokou.

Pada 2001, Walai Tokou Homestay telah menerima 60 orang pelanggannya yang pertama iaitu peserta-peserta Kursus Asas Homestay dari INFRA. Selain daripada penginapan, pengusaha dan penduduk Kampung Sinsinan juga menyediakan aktiviti kebudayaan dan kesenian warisan mereka seperti muzik buluh, membuat kraf tangan dan Kini

Homestay Walai Tokou telah dikenali di serata dunia kerana perkhidmatan yang disediakan serta aktiviti-aktiviti yang pelbagai untuk pelancong yang datang ke Kampung Sinsinan.

Pada 11 Jun 2013, Pengarah MKM Cawangan Sabah berserta beberapa pegawai latihan telah berkesempatan melawat Walai Tokou Homestay. Kunjungan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai perkembangan Homestay ini serta aktiviti Koperasi Walai Tokou Homestay. Perbincangan telah diadakan bersama-sama semua Anggota Lembaga Koperasi Walai Tokou Homestay dengan penerangan telah diberikan oleh Pengasas Walai Tokou Homestay merangkap Bendahari Koperasi, En. Kohadie B. Watiman. Hasil dari perbincangan tersebut beberapa keputusan telah diambil di mana MKM Cawangan Sabah bersedia untuk memberikan latihan dan bimbingan kepada Koperasi Walai Tokou Homestay dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memajukan Koperasi ini. - *Rahimah Abd Samad*



Hasil kraf tangan untuk dijual kepada pengunjung

## Sistem Kawalan Dalaman (SKD) dan Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE)



Pn. Roziah Mohamed, Pengarah MKM Caw. Selatan menyampaikan cenderamata kepada Tn. Hj. Zainun Hamzan Stapa, Pengarah SKM Negeri Johor

**S**istem Kawalan Dalaman (SKD) dan Pemeriksaan Usaha Wajar ataupun lebih dikenali sebagai Due Diligence Examination (DDE) sering menjadi perbualan hangat di kalangan koperator buat ketika ini kerana banyak kes tribunal yang telah dirujuk ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)“ Sehubungan itu, pada 28 Jun 2013, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKMCS) telah menganjurkan bicara profesional bertajuk “Sistem Kawalan Dalaman (SKD) dan Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE)” bertempat di Hotel Katerina, Batu Pahat. Objektif bicara profesional ini diadakan adalah untuk memberi

pendedahan tentang sistem kawalan dalaman yang boleh diaplikasikan di dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi dan memberi pendedahan tentang tanggungjawab SKM dalam melaksanakan Pemeriksaan Usaha Wajar ke atas koperasi di bawah Seksyen 64 Akta Koperasi 1993.

Majlis Perasmian Bicara Profesional ini telah disempurnakan oleh Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Johor iaitu Tn. Hj. Zainun Hamzan bin Stapa. Di dalam ucapannya, beliau menegaskan kepentingan SKD dalam operasi koperasi dan keperluan pemantauan lembaga serta pihak pengurusan dari masa ke masa supaya

operasi koperasi dapat dikawal dengan baik dan berkesan. Menurut beliau lagi, memandangkan DDE makin kerap dilakukan oleh SKM seharusnya koperasi hendaklah bersedia dan menyelenggarakan koperasi berlandaskan perundangan yang telah ditetapkan. Pendidikan anggota lembaga dan anggota koperasi di dalam bidang koperasi amat dituntut kerana tanpa ilmu koperasi kemungkinan mereka akan melakukan kesilapan tanpa disedari.

Bicara Profesional ini telah menggandingkan dua orang penceramah yang pakar dalam bidang SKD dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang DDE. Mereka adalah; Puan Julia Anak Nyangga dan Puan Fatimah binti Ani merupakan pegawai-pegawai dari Bahagian Penyeliaan On-Site SKM Ibu Pejabat. Bicara Profesional ini juga di hadiri oleh seramai 124 orang peserta di kalangan ALK, JAD, anggota koperasi serta pihak pengurusan koperasi dari Wilayah Johor dan Melaka.

Sesi pertama disampaikan oleh Puan Julia Anak Nyangga di mana beliau menerangkan tentang definisi dan objektif SKD, komponen SKD, Penilaian ke atas SKD dan tanda-tanda amaran sekiranya SKD tidak dapat digunakan dengan jelas dan teratur. Sesi kedua pula disampaikan oleh Puan Fatimah binti Ani yang lebih memfokuskan kepada pengalaman beliau ketika melaksanakan pemeriksaan usaha wajar yang dijalankan dan pendedahan penarafan bintang (FLAME-T) ke atas koperasi. – Adila Hashim



Penceramah sesi pertama oleh Puan Julia Anak Nyangga



Penceramah sesi kedua oleh Puan Fatimah binti Ani



Sesi soal jawab



Antara peserta bicara profesional dan tetamu kehormat yang hadir



Barisan koperator yang hadir sekitar wilayah Johor dan Melaka

# Memperkasa Kesedaran Berkoperasi



Ketua Pengarah MKM, Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya ketika menyampaikan ucapan perasmian



Ketua Pengarah MKM, Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya (tengah) bersama En. Ngadi Robin (kanan) dan En. Joseph Teng Mun Koh (kiri)

Program Bicara Profesional bertajuk “Memperkasa Kesedaran Berkoperasi” telah diadakan di Hotel Hilton Kuching Sarawak pada 23 Mei 2013. Matlamat utama penganjuran Bicara Profesional pada kali ini adalah untuk mengukuhkan kesedaran berkoperasi dalam kalangan koperator. Selain itu, ia juga turut mengetengahkan isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh gerakan koperasi dan langkah-langkah menanganinya. Pada masa yang sama adalah diharapkan menerusi program ini, keyakinan masyarakat terhadap sektor koperasi akan terus dipertingkatkan.

Program ini telah dirasmikan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan koperasi amat berperanan membantu menjana perkembangan dan pembangunan ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat menaikkan taraf hidup anggota mereka.

Manfaat dan faedah berkoperasi ini perlu dipromosikan dengan lebih giat lagi agar masyarakat kita menjadikan budaya berkoperasi sebagai sebahagian cara hidup. Teras Strategik Keempat Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN II) jelas menerangkan hasrat Kerajaan supaya masyarakat menerima koperasi sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan mereka. Usaha-usaha yang konsisten dan berterusan adalah perlu bagi memperkasakan kesedaran berkoperasi dengan tujuan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap koperasi. Terlebih dahulu, En. Ngadi Robin, Pengarah MKM Cawangan Sarawak telah pun menyampaikan ucapan aluan. Antara tetamu jemputan rasmi yang turut hadir ialah En. Joseph Teng Mun Koh, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Sarawak.

Forum Bicara Profesional ini dipengerusikan oleh En. Frank Meol pensyarah MKM Cawangan Sarawak. Dua orang panel telah dijemput untuk

membentangkan kertas kerja iaitu En. Kamri Mustapha, Penolong Pengarah SKM Sarawak, membentangkan kertas kerja bertajuk “Memperkasa Kesedaran Berkoperasi : Peranan dan Tanggungjawab SKM” dan En. Dilah Tuah, Ahli Lembaga Koperasi PPKS Kuching Bhd, membentangkan kertas kerja bertajuk “Memperkasa Kesedaran Berkoperasi : Perkongsian Pengalaman Koperasi”. Program ini telah berjaya menghimpunkan seramai 200 koperator dari seluruh bahagian Kuching dan Kota Samarahan, Sarawak.- *Mohamad Suandi bin Hj Mortadza*



Salah seorang peserta bertanya soalan kepada pembentang kertas kerja

## Penentu Kejayaan Koperasi: Anggota atau Anggota Lembaga Koperasi (ALK)?



Ketua Pengarah MKM merasmikan majlis



Antara peserta yang turut hadir



Ketua Pengarah MKM beramah mesra dengan kakitangan MKM Cawangan Sabah

MKM Cawangan Sabah telah berjaya melaksanakan Bicara Profesional dengan tajuk “Penentu Kejayaan Koperasi: Anggota atau Anggota Lembaga Koperasi (ALK)?” Program ini diadakan pada 6 April 2013 bertempat di Hotel Juta Keningau, Sabah dengan kehadiran seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada anggota dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

Penceramah yang dijemput menyampaikan tajuk ini ialah En.

Jeffery Ong, mantan Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Beliau merupakan seorang aktivis koperasi yang mempunyai pengalaman luas dalam menyelia dan mengawal koperasi terutama sekali di daerah Keningau. Antara inti pati ceramah beliau ialah kejayaan sesebuah koperasi itu tidak hanya bergantung kepada penglibatan dari sebelah pihak, kedua-dua pihak anggota dan ALK perlu bersatu dan bekerjasama dalam menjayakan segala aktiviti yang

dilaksanakan. Anggota dan ALK perlu faham bahawa koperasi adalah milik mereka dan matlamat utama koperasi adalah untuk mengatasi masalah bersama. Oleh itu tidak ada istilah siapa penentu kejayaan koperasi melainkan kedua-dua pihak menjalankan hak dan tanggungjawab mereka.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan semua peserta yang hadir agar sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan bukan sahaja dalam perkoperasian tetapi juga dalam aspek pengurusan dan tadbir urus sekiranya ingin melihat koperasi berjaya. Beliau berjanji bahawa MKM sentiasa bersedia membantu koperasi dari aspek latihan dan pendidikan.

Sebelum itu, Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya buat pertama kalinya mengunjungi MKM Cawangan Sabah serta berdialog dengan kakitangan.

- Rahimah Abd Samad



Pn. Rahimah Abd. Samad, Pengarah MKM Caw. Sabah menyampaikan taklimat kepada Ketua Pengarah MKM



# Wakaf Menjana Ekonomi Sejagat dan Taklimat Program Latihan MKM 2013



Khusyuk mendengar ceramah



Dari kiri: En. Zainudin (SKM Johor), Pn. Roziah Mohamed (Pengarah MKMCS) dan Ustaz Mustapa Hayudin (MAIJ)



Sebahagian peserta yang hadir

Pada 4 Februari 2013, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKMCS) telah berjaya melaksanakan program Bicara Profesional yang bertajuk “Wakaf Menjana Ekonomi Sejagat” dan Majlis Taklimat Program Latihan MKM 2013 bertempat di Hotel New York, Johor Bahru. Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengarah MKM Cawangan Selatan, Pn. Roziah Mohamed, yang dihadiri oleh koperator dan agensi KPDNKK.

Ceramah “Wakaf Menjana Ekonomi Sejagat” disampaikan oleh Ustaz Mustapa Hayudin Abdul Khalim, Penolong Pengarah Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Pemilihan tajuk Bicara Profesional ini dipilih kerana isu wakaf sedang hangat diperkatakan pada waktu ini dan inti pati yang disampaikan meliputi asas pemahaman wakaf, peranan dan sumbangannya serta isu-isu yang berkaitan dengan wakaf. Di majlis ini juga, MAIJ telah membuka kaunter bagi urusan wakaf tunai. Peserta yang

hadir berkesempatan melaksanakan wakaf tunai serendah RM10 bagi empat projek wakaf MAIJ iaitu bangunan asrama pelajar di Mesir, pembinaan 121 sekolah agama di Negeri Johor, wakaf Al-Quran dan bangunan perniagaan di Nusajaya. Antara inti pati menarik yang disampaikan oleh penceramah ialah wakaf bukan sahaja dikhaskan kepada orang Islam tetapi juga terbuka kepada bukan Islam.

Di majlis ini juga berlangsungnya program taklimat MKM 2013 yang merupakan acara tahunan MKM. Peserta yang hadir telah diberikan kalendar dan buku program latihan MKM 2013. MKMCS juga telah membuka kaunter permohonan kursus bagi menerima permohonan secara terus daripada peserta yang hadir.

Secara keseluruhannya, kedua-dua program ini berjalan dengan lancar dan jayanya.- Afizah Abdul Jalal



Ustaz Mustapa Hayudin dari Majlis Agama Islam Johor menyampaikan ceramah



Sesi soal jawab

# Hari Integrasi Pelajar DPK dan BBA



Gerai jualan pelajar



Sebahagian pameran dari MAKNA dan AADK



Pada 20 April 2013 bertempat di Auditorium Dato' A. Majid telah diadakan Hari Integrasi pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) dan Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan Koperasi) (BBA). Program ini meliputi sesi ceramah berkaitan isu gejala dadah, golongan lesbian, gay, biseksual dan Transeksual (LGBT) serta kanser. Selain itu kaunter pameran dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan pihak Majlis Kanser Nasional (MAKNA) juga disediakan. Para pelajar tidak ketinggalan membuka gerai jualan di sekitar kaunter pameran. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat sama ada masalah sosial mahupun kesihatan.

Pengisian Slot 1 telah disampaikan oleh Puan Fadzilah, sukarelawan MAKNA yang mempunyai banyak pengalaman bertemu dengan pesakit kanser. Ceramah diteruskan dengan perkongsian dari Puan Nurul, penghidap kanser payudara tahap empat. Melalui perkongsian tersebut, ia secara tidak langsung membuka minda para pelajar dan tetamu mengenai kesedaran menjaga kesihatan dengan

baik. Pengisian Slot 2 pula disampaikan oleh En.Khariri atau lebih dikenali sebagai Cikgu Erin. Beliau banyak berkongsi mengenai masa silamnya yang bergelumang dengan dunia LGBT hampir 30 tahun dan titik permulaan beliau berhijrah. Perkongsian ini mampu mengubah perspektif negatif terhadap golongan LGBT tetapi masyarakat perlu membantu mereka kembali ke pangkal jalan.

Pengisian slot terakhir disampaikan oleh pegawai AADK iaitu Puan Ayunizam yang berkongsi mengenai pencegahan, jenis-jenis dadah dan statistik penagihan dadah di Malaysia. Perkongsian ini sangat berguna kepada pelajar agar lebih berhati-hati dalam memilih kenalan agar tidak terjebak dengan dadah. Selain itu, perkongsian mengenai gejala 'keldai dadah' juga turut diberi penerangan agar para pelajar tidak tertipu dengan sesebuah agensi yang menawarkan pekerjaan kepada mereka. Ceramah ini juga turut menampilkan En. Suzaidy yang merupakan bekas penagih tegar. Beliau merupakan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di AADK dan banyak menyertai seminar yang memerlukan beliau berkongsi kisah hidupnya. Ceramah

yang disampaikan oleh beliau begitu santai dan amat menarik perhatian pelajar.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membina nilai dan perilaku positif dalam diri pelajar untuk hidup bermasyarakat kelak. Selain itu, para pelajar juga dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai isu semasa yang tidak terdapat dalam kuliah mereka. Program ini juga mampu mengubah pemikiran masyarakat kita bahawa tidak seharusnya kita menghukum seseorang dengan apa dialaminya tetapi kita sebagai masyarakat yang prihatin perlu membantu mereka dalam apa jua situasi. - *Nor Fadhilah Mohd*



Ceramah yang disampaikan oleh sukarelawan MAKNA

# Kem Kepimpinan: Transformasi Mahasiswa



Kelihatan sekumpulan pelajar sedang melakukan promosi program jangka panjang MKM

Pada 6-7 April 2013, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi telah menganjurkan program Kem Kepimpinan di Kem El-Azzhar, Banting Selangor. Pelajar yang terlibat adalah daripada kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), AJK asrama dan ketua setiap semester. Manakala empat orang pensyarah bertindak sebagai fasilitator.

Tujuan program ini diadakan adalah salah satu usaha MKM bagi melahirkan pemimpin pelajar yang berdedikasi sama ada di peringkat MKM mahupun di alam kerjaya kelak. Antara aktiviti yang dilakukan ialah latihan dalam kumpulan, *Hi Rope*, berkayak dan *survival*. Melalui aktiviti ini ia dapat memupuk keyakinan diri, sikap bekerjasama dan saling

hormat menghormati dalam kalangan pemimpin pelajar. Selain itu, aktiviti promosi program jangka panjang di sekitar Pantai Morib juga dilakukan. Melalui promosi ini para pemimpin pelajar dapat membentuk cara komunikasi yang berkesan dengan orang awam dan ia amat sesuai dengan jawatan yang mereka sandang iaitu sebagai pemimpin pelajar.

Melalui aktiviti yang telah dijalankan ini, ia mampu membina nilai positif dalam diri mahasiswa MKM. Selain itu ia juga dapat melahirkan generasi mahasiswa yang mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi serta dapat mewujudkan integrasi sosial antara mahasiswa dengan masyarakat setempat.- *Nor Fadhilah Mohd.*



Aktiviti Hi Rope



Aktiviti berkayak



Aktiviti survival

## Lawatan Sambil Belajar BBA MKM-UUM ke Koperasi Homestay Sungai Sireh Tanjong Karang Berhad Tanjong Karang, Kuala Selangor

Pada 5 April 2013 (Jumaat), Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan lawatan sambil belajar untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi) ke Koperasi Homestay Sungai Sireh Tanjong Karang Berhad, Tanjong Karang. Seramai lebih kurang 37 orang pelajar dan 2 orang pensyarah telah turut sama melawat ke koperasi tersebut. Lawatan ini diadakan bersempena dengan subjek 'Koperasi

Untuk Pembangunan Komuniti' (MCKK 3123).

Lawatan ke koperasi *homestay* ini berlangsung hanya setengah hari sahaja. Kedatangan kami disambut dengan keindahan sawah padi yang menghijau terbentang luas di kanan dan kiri sehinggakan tekanan minda sedikit demi sedikit telah hilang.

Seterusnya ahli rombongan diberikan taklimat mengenai latar belakang koperasi termasuk

aktiviti serta pencapaiannya. Ini disusuli dengan sesi soal jawab. Antara persoalan yang diutarakan ialah bagaimana koperasi tersebut menjalankan aktiviti, kekangan dan cabaran yang dihadapi semasa di peringkat awal koperasi ini mula menapak.

Cenderahati dari pihak Maktab Koperasi Malaysia telah disampaikan oleh En. Mohd Safa'ai Said (Pegawai Pusat Pentadbiran, Perundangan



Penyampaian cenderahati



Sesi taklimat



Jentera yang membawa kami mengelilingi Kampung Sungai Sireh Tanjong Karang



Antara penduduk kampung yang menjalani aktiviti petang mereka



Sawah padi terbentang luas di Kampung Sungai Sireh Tanjung Karang



Bergambar sebelum berangkat pulang

dan Kepimpinan Koperasi) kepada Koperasi Homestay Sungai Sireh Tanjung Karang Berhad Tanjung Karang, Kuala Selangor. Sebelum pulang, kami diberikan kesempatan untuk mengelilingi kampung Sungai Sireh tersebut dengan menaiki jentera beramai-ramai. Perasaan kami sekali lagi teruja kerana barangkali ada antara kami baru pertama kali

menaiki jentera tersebut. Penduduk kampung sangat peramah dan melambaikan tangan ke arah kami. Kami diberhentikan di tengah-tengah sawah padi untuk menikmati keindahan yang dikurniakan Allah. Para pelajar juga diberi peluang untuk memegang padi.

Kami dihantar semula ke koperasi untuk berangkat pulang.

Walaupun lawatan kami hanya sekejap tetapi banyak maklumat yang kami peroleh. Melalui lawatan ini, Para pelajar didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang bukan diperoleh dari dewan kuliah. Lawatan seperti ini harus kerap diadakan agar ia dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih dekat dan berkesan lagi.

- Mohd Safa'ai Said, Rina Fairuz Jahya



Layanan yang diberikan oleh Anggota Koperasi Homestay

## Program Keluarga Angkat Kasih Disemai Hati Terpaut



Gotong royong membersihkan kawasan kubur



Lawatan ke rumah keluarga angkat

Pada 22-24 Februari 2013, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi Maktab Koperasi Malaysia di bawah subjek Kokurikulum telah menganjurkan Program Keluarga Angkat “Kasih Disemai Hati Terpaut” di Kampung Tenglu Mersing Johor yang melibatkan seramai 38 peserta program dan 20 orang ahli jawatankuasa pelaksana. Para peserta serta ahli jawatankuasa pelaksana terdiri daripada pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Semester 2.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dengan keluarga angkat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan yang sebenar kepada



Lawatan ke rumah penduduk kampung yang uzur



Gotong-royong membersihkan balai raya



Gotong-royong membersihkan kawasan pantai



Lawatan ke Pusat Pemrosesan Produk Kesihatan

pelajar MKM dengan masyarakat luar. Tugasan yang dilakukan atas khidmat komuniti ini dijangka mampu melatih dan membina kredibiliti serta kepimpinan, usaha sama dan profesionalisme dalam diri pelajar serta dapat mengeratkan silaturahim antara peserta dengan pihak yang terlibat. Selain itu, program yang dijalankan ini juga memberi pelbagai faedah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Program ini mengambil masa tiga hari dua malam dan hari pertama merupakan perjalanan diikuti dengan taklimat ringkas serta penyerahan peserta kepada keluarga angkat.

Pada hari kedua para pelajar dibahagikan kepada beberapa

kumpulan dan program dimulai dengan aktiviti riadah, gotong-royong bersama masyarakat di kawasan kubur, balai raya dan surau, lawatan serta pemberian ikhlas kepada penduduk kampung yang uzur. Pada sebelah malamnya program dimulai dengan solat maghrib berjemaah, tazkirah oleh iman kampung dan diikuti dengan jamuan makan malam dengan penduduk kampung serta taklimat fungsi dan peranan MKM kepada masyarakat setempat. Promosi fungsi dan peranan MKM melatih modal insan koperasi ke tahap kompeten melalui program latihan yang ditawarkan dalam program jangka pendek dan jangka panjang dari peringkat sijil hingga ijazah dilakukan bagi menarik minat masyarakat bukan sahaja untuk

mengikuti program latihan di MKM malahan menggalakkan masyarakat untuk menyertai koperasi. Pada hari ketiga, para pelajar bergotong-royong membersihkan kawasan pantai dan diikuti dengan lawatan ke pusat pemrosesan produk kesihatan di Mersing, lalu bersiap untuk balik ke MKM.

Secara keseluruhannya, program ini dapat melahirkan pelajar yang mampu menabur khidmat kepada masyarakat dan negara, melahirkan pelajar yang memahami kehendak masyarakat di akar umbi dan mewujudkan integrasi sosial antara pelajar dengan masyarakat serta dapat membina nilai dan perilaku positif dalam diri pelajar itu sendiri. - Nazirah Binti Baharudin

# Kem Motivasi: Menuju Puncak Kejayaan



Pelajar bergambar kenangan

Pada 11-13 Januari 2013, Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi telah menganjurkan program Kem Motivasi di Kem Bina Semangat Ampang Pecah Training Centre. Seramai 26 orang pelajar Diploma Pengurusan Koperasi telah mengikuti program ini. Empat orang fasilitator turut terlibat dalam program ini.

Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan motivasi pelajar mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dalam membentuk kemahiran *interpersonal* dan *intrapersonal*. Kemahiran ini amat perlu bagi seorang pelajar kerana dapat melahirkan modal insan yang cemerlang dalam akademik mahupun sahsiah diri. Kem motivasi ini turut dimuatkan dengan aktiviti lasak

seperti *night trekking*, *abseiling* dan *obstacle*. Aktiviti lasak ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri, semangat bekerjasama dan sifat tidak berputus asa dalam kalangan pelajar. Selain itu, pengisian slot *study smart* juga dilakukan bagi mendedahkan para pelajar mengenai strategi belajar yang berkesan manakala slot dari hati ke hati pula adalah bertujuan untuk meneroka permasalahan yang sedang dihadapi pelajar khususnya dalam aspek pembelajaran.

Secara keseluruhannya, kem motivasi ini mampu memberi kesedaran mengenai kepentingan kecemerlangan akademik mahupun sahsiah diri pelajar. Mereka juga dapat mengenali potensi diri masing-masing dalam melakukan perubahan bagi mencapai kecemerlangan di masa hadapan. - Nor Fadhilah Mohd



Aktiviti abseiling



Aktiviti obstacle



Penalti yang dikenakan kepada pelajar





**PROGRAM RETREAT MKM 2013 15 FEBRUARI 2013**



**MKM BERSAMA KOMUNITI BERA 16 FEBRUARI 2013**



**MESYUARAT AGUNG PUSPANITA 22 FEBRUARI 2013**



**LAWATAN KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
27 FEBRUARI 2013**



## MALAYSIAN TECHNICAL CO-OPERATION PROGRAMME (MTCP) 4 - 21 MAC 2013





**LAWATAN YBHG. DATO' SARIPUDDIN KASIM,  
KETUA SETIAUSAHA KPDNKK 25 MAC 2013**





**Mesyuarat Lembaga MKM dan Lawatan Lembaga ke Koperasi  
6 JUN 2013**





**Lawatan Kerja ke Singapore National Co-operative Federation (SNCF) dan NTUC FairPrice Co-operative Limited  
6-7 JUN 2013**

**PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH & JATI DIRI WARGA MKM  
8 JUN 2013**



**LAWATAN PENGARAH MKM CAW. SABAH KE KOPERASI  
WALAI TOKOU HOMESTAY 11 JUN 2013**



**KUMPULAN KOIR MKM 21 JUN 2013**



**SUKANUN-VII 24 JUN 2013- 2 JULAI 2013**







**LAWATAN YB MENTERI DAN KETUA PENGARAH  
MKM KE KOPERASI DI KOREA SELATAN  
26 JUN - 2 JULAI 2013**



# Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan) PENGURUSAN KOPERASI (MKM-UUM)

**PENGAMBILAN**
**FEBRUARI  
2014**
**Tarikh Tutup Permohonan  
15 Ogos Setiap Tahun**

## ■ Kumpulan Sasaran

- Individu lepasan Matrikulasi, STPM, STAM, Diploma
- Tenaga Kerja Pengurusan Koperasi dan anggota koperasi
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan yang mengawal selia koperasi
- Pegawai-pegawai jabatan/agensi kerajaan atau swasta

## ■ Kelayakan Kemasukan Am

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan
- Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf dan
- Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan/Prinsip Akaun/Perdagangan di peringkat SPM/setaraf atau Matematik Kertas Julai dan
- Lulus STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya
  - a) Gred (NCMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan
  - b) Gred (NCMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain atau
- Mendapat sekurang-kurangnya peringkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau
- Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dengan kelayakan yang baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET).

## ■ Yuran Pengajian

Pemimpin/tenaga kerja koperasi dan pegawai kerajaan yang menyelia koperasi, anggota dan anak anggota pergerakan koperasi	RM6,645.00
Individu biasa	RM17,205.00
Pelajar luar negara	RM20,505.00

## ■ Pembiayaan

- Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- Lain-lain pinjaman – Yayasan Negeri, Bank Rakyat dan lain-lain

## ■ Jangka masa Pengajian

Sepenuh masa: 4 tahun @ 8 semester

## ■ Cara memohon

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

## ■ Pertanyaan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Urus setia

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Bidang Tumpuan) Pengurusan Koperasi (MKM-UUM)

Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi  
Maktab Koperasi Malaysia  
No.21, Jalan Selangor, Seksyen 6  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

No. Tel : +6 03 7952 4500

No. Faks : +6 03 7955 0863

E-mel : [antarabangsa@mkm.edu.my](mailto:antarabangsa@mkm.edu.my)

Laman web : <http://www.mkm.edu.my>



# Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Koperasi MKM-OUM



## ■ Kumpulan Sasaran

Terbuka kepada koperator, kakitangan koperasi, pegawai kerajaan yang mengawal selia koperasi yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa. Di samping itu program ini juga terbuka kepada masyarakat umum yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang koperasi.

## ■ Jangka Masa Pengajian

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama 4 tahun atau bersamaan 12 semester.

## ■ Kelayakan Kemasukan Am

Syarat Kemasukan Biasa

- Lulus SPM/SPMV dengan dua kepujian dan lulus STPM/HSC dengan 2 prinsipal atau setaraf dengannya.
- Mempunyai diploma yang diiktiraf dan sijil matrikulasi.



## ■ Syarat Kemasukan Fleksibel

Kriteria Kemasukan Fleksibel telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah seperti berikut:

Program Sarjana Muda, pemohon memerlukan:

- Berusia 21 tahun pada 1 Januari pada tahun permohonan;
- Lulus PMR/SRP/LCE atau setaraf dengannya; dan
- Berpengetahuan dan berpengalaman kerja dalam bidang yang berhubung kait dengan program yang dipohon.
- Lulus penilaian kemasukan fleksibel.

## ■ Kos Pengajian 4 tahun atau 12 semester

Perkara	Kadar Yuran (RM)
Yuran Per Jam Kredit	207
Yuran Pengajian 40 Subjek atau 120 Jam Kredit	24,840
Diskaun 20 % untuk peserta dari gerakan koperasi	4,968
Jumlah Keseluruhan Pengajian Selepas Diskaun	<b>19,872</b>

## ■ Pembiayaan

Pembiayaan untuk pengajian boleh diperoleh daripada KWSP, PTPTN dan bank. Tertakluk kepada sebarang perubahan dari pada semasa ke semasa.

## ■ Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang OUM (<http://www.oum.edu.my>)

## ■ Maklumat Lanjut:

Urus Setia BBA E-PJJ (MKM-OUM)  
Pusat Antarabangsa & Pendidikan Tinggi  
Maktab Koperasi Malaysia  
No. 21 Jalan Selangor  
Seksyen 6  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : +603 7952 4500  
Faks : +603 7955 0863  
E-mel : [antarabangsa@mkm.edu.my](mailto:antarabangsa@mkm.edu.my)  
Laman web : <http://www.mkm.edu.my>



# Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ

## Objektif Program

- Memantapkan kefahaman peserta mengenai koperasi dari segi konsep, falsafah, prinsip, pentadbiran, pengurusan serta perundangan koperasi.
- Memberi keyakinan diri kepada peserta dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam koperasi.
- Membolehkan peserta meningkatkan kemahiran penganalisan dan membuat perancangan strategik bagi meningkatkan daya saing koperasi.

## Kelayakan Masuk

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dengan kredit dalam 2 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan lulus Matematik ATAU
- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV atau setarafnya) dan 3 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran koperasi.

## Sasaran Peserta

- Pemimpin-pemimpin Koperasi
- Anggota Koperasi
- Kakitangan sokongan koperasi
- Jabatan/Agensi Kerajaan/Swasta
- Individu lepasan SPM yang bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa
- Terbuka kepada semua masyarakat umum yang berminat

## Jangka Masa Pengajian

Program e-PJJ ini menggunakan sistem trimester (3 semester untuk 1 tahun akademik) yang memerlukan pelajar untuk sekurang-kurangnya menjalani pengajian selama satu tahun lapan bulan hingga dua tahun.

**PENGAMBILAN**

**SEPTEMBER  
SETIAP TAHUN**

**Tarikh Tutup Permohonan  
15 Ogos Setiap Tahun**

## Yuran Pengajian

- Peserta dari gerakan koperasi dikenakan yuran sebanyak RM1,440 untuk keseluruhan 6 semester atau RM240.00 untuk satu semester.
- Peserta dari bukan gerakan koperasi dikenakan yuran keseluruhan sebanyak RM3,530.00.

## Permohonan Pengajian


Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>

## Pertanyaan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Urus setia,  
Sijil Pengurusan Koperasi e-PJJ  
Maktab Koperasi Malaysia  
Pusat Antarabangsa dan Pendidikan Tinggi  
No. 21, Jalan Selangor  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03 – 7952 4500  
Faks : 03 – 7955 0863  
E-mel : [antarabangsa@mkm.edu.my](mailto:antarabangsa@mkm.edu.my)

Maktab Koperasi Malaysia

Pusat Latihan Koperasi No.  di Malaysia